

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MUSTAFFA BIN DIN
PENYANYI DAN PELAKON VETERAN 80 – 90 AN
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
PENYANYI DAN PELAKON VETERAN

OLEH:
MUHAMMAD AMIRUL HAKIMI BIN OTHMAN
(2020899708)
SITI HEZEL SOPHIA BINTI ZAMRI
(2020825256)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
Nombor Roman	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	I II III IV V
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 6 6 - 7
4.0	Kajian Literatur	8 - 9
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	10 – 66
6.0	Log Temubual	67 – 71
7.0	Ralat	72
8.0	Glosari	73 – 81
9.0	Indeks	82 - 85
11.0	Bibliografi	86-87

12.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	88-102
-------------	--	--------

Abstrak

Temubual ini dilakukan bersama penyanyi veteran yang dikenali di Malaysia iaitu Mustaffa Din atau lebih dikenali sebagai Mus May dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui beliau dalam industri muzik di Malaysia. Temubual ini dilakukan secara virtual iaitu melalui Google Meet yang dilakukan pada 4 hari bulan Disember bermula pada jam 11:00 pagi sehingga 1:30 tengah hari. Mus May bermula bidangnya dalam industri muzik selepas menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Ipoh, Perak pada sekitar tahun 1984 beliau dan rakannya telah menubuhkan sebuah kumpulan muzik rock yang bernama Green Agnour. Bakat nyanyian beliau mula dikesan oleh Mohamad Saarip bin Yaakob (Man) kini pemain dram May lalu menubuhkan kumpulan May ini pada bulan Mei 1985. Melalui sesi temubual ini, kami telah mendapat pelbagai maklumat tentang hidup dan pencapaian bagaimana beliau telah menjadi salah seorang penyanyi yang amat terkenal pada 80-90 an sehinggalah ke hari ini. Melalui perkongsian dari beliau, terdapat juga sumber inspirasi yang boleh dijadikan iktibar atau semangat kepada generasi muda yang ingin mengasah bakat di dalam industri muzik pada masa kini.

Kata kunci: *Mus May, muzik, veteran, artis, penyanyi*

Abstract

This interview was conducted with a veteran singer known in Malaysia, Mustaffa Din or better known as Mus May and this interview session was conducted to get to know him in the music industry in Malaysia. The interview was conducted virtually through Google Meet which was conducted on 4 days in December starting at 11:00 am until 1:30 pm. Mus May started his field in the music industry after graduating from Sekolah Menengah Ipoh, Perak around 1984 he and his friends had formed a rock band called Green Agnour. His singing talent was first spotted by Mohamad Saarip bin Yaakob (Man), now a drummer, then formed this May group in May 1985. Through this interview session, we have got various information about his life and achievements and how he has become one of the most famous in the 80s-90s to this day. Through the sharing from him, there is also a source of inspiration that can be used as a lesson or encouragement to the younger generation who want to hone their talents in the music industry today.

Keywords: *Mus May, music, veterans, artists, singers*

Penghargaan

Bismillahirahmanirahim...

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan tugasan bagi kod subjek oral dokumentasi (IMR 604) ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melunaskan tugasan yang diberikan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini terutamanya kepada pensyarah kami Puan Nurulannisa binti Abdullah atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang masa tugas ini dijalankan. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih

Senarai Abbreviasi

SINGKATAN	MAKSUD
AIM	Anugerah Industri Muzik
COVID	Coronavirus Disease
GV	Gegar Vaganza
MAS	Malaysia Airlines Berhad
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
TM	Telekom Malaysia
URTV	Utusan Radio & TV

Senarai singkatan

E.M : Mustaffa Bin Din

A.H : Muhammad Amirul Hakimi Bin Othman

H.S : Siti Hezel Sophia Binti Zamri

Rujukan kata

Camtulah	Macam itu lah
Cite	Cerita
Dorang/Diorang	Mereka
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Je	Sahaja
Kan?	Betul tak?
Katok	Pukul
Kitorang	Kami
Mende	Benda
Ngan	Dengan
Paham	Faham
Sape	Siapa
Sorang	Seorang
Sume	Semua
Tak	Tidak
Takde/ tak ada	Tiada
Tak nak	Tidak mahu
Tu	Itu

1.0 Biodata Penemubual

1.1 Penembual pertama



Nama	Muhammad Amirul Hakimi Bin Othman
Tarikh lahir	
Tempat lahir	Jerantut, Pahang
Alamat	Jerantut, Pahang
No. Telefon	
Email	
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

1.2 Penemubual kedua



Nama	Siti Hezel Sophia Binti Zamri
Tarikh lahir	
Tempat lahir	Kubang Kerian
Alamat	Jerteh, Terengganu
No. Telefon	
Email	
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

2.0 Biodata tokoh

2.1 Biodata tokoh



Nama	Mustaffa bin Din
Nama samaran	Mus May
Tarikh lahir	
Tempat lahir	Ipoh, Perak
No.telefon	
Profession	Penyanyi/Pelakon
Bidang	Nyanyian/Lakonan

2.2 Pengenalan kepada Tokoh

Mustaffa Bin Din atau lebih dikenali sebagai Mus May merupakan penyanyi dan juga pelakon veteran yang terkenal di tanah air. Bidang nyanyian telah menjadi salah satu bahagian yang penting kepada beliau sepanjang melibatkan diri di dalam industri muzik di Malaysia. Beliau dilahirkan pada 10 Mei 1968 di Ipoh, Perak dan merupakan anak yang ke 3 daripada 3 orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan pada zaman sekolah rendah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Jalan Douglas di Ipoh, Perak pada tahun 1975 dan mendapat pendidikan pada zaman sekolah menengah di Sekolah Menengah Jalan Label di Ipoh, Perak.

Pada tahun 80-an beliau sangat aktif dalam bidang nyanyian dan menubuhkan band nyanyian dengan rakan-rakan beliau iaitu band yang digelar sebagai ‘*May*’. Beliau telah mendapat pelbagai anugerah sepanjang penglibatan di dalam dunia nyanyian dan mendapat sokongan ramai daripada para peminat. Mus May pernah menyertai rancangan Gegar Vaganza musim ke 7 dan mendapat naib juara di dalam pertandingan nyanyian profesional tersebut. Bukan itu sahaja, Mus May juga pernah melibatkan diri di dalam dunia lakonan hasil karya yang terkenal, Allahyarham Mamat Khalid iaitu filem ‘*Hantu Kak Limah*’.

3.0 Sejarah Lisan

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran tentang sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Sumber lisan boleh dikategorikan kepada dua iaitu sumber utama dan sumber kedua. Lazimnya, sumber utamanya didapati daripada penyaksi-penyaksi atau orang-orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah itu. Kebanyakannya sumber lisan didapati melalui pertanyaan, temu duga atau perbualan yang dilakukan sendiri sepanjang penyelidikan. Mereka boleh memberi maklumat asal tentang peristiwa yang mereka saksikan atau peristiwa yang mereka turut terlibat. Bagi sumber lisan dalam kategori sumber kedua pula, ia adalah maklumat daripada mereka yang tidak menyaksikan atau tidak terlibat dalam sesuatu yang diterangkan.

Peranan sejarah lisan dalam membina semula peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod yang telah hilang amatlah penting. Ia kerana bertujuan untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis, menambah sumber bertulis sedia ada dengan bukti sejarah yang direkodkan, dan mengekalkan bukti sejarah yang akan hilang juga merupakan insentif bagi penyelidik untuk mengusahakan perkara yang kontroversi di mana ia perlu mendapatkan kesahihannya samaada benar atau palsu.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dasar atau asas tentang Mus dengan perkembangan muzik dan kesan kerjayanya semasa kejadian Covid-19 dengan memberi tumpuan khusus kepada pekerjaannya sebagai penyanyi atau pelakon. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang telah dinyatakan bawah:

- I. Mengkaji pengalaman Mus May sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia pada era 1980-an sehingga 1990-an.
- II. Mengkaji tentang anugerah dan pencapaian Mus May sepanjang kerjayanya sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia.
- III. Mengkaji cabaran Mus May sepanjang kerjanya sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Di Malaysia, muzik adalah sebahagian daripada seni dalam budaya masyarakat berbilang bangsa dan etnik. Ia ditanam dalam budaya, sehingga dari satu segi, muzik tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan masyarakat sejak kewujudan masyarakat dan etnik berkenaan. Oleh itu, muzik yang salah satu fungsinya sebagai hiburan, sangat mudah diketengahkan dalam arus pembangunan industri media di Malaysia. Dengan adanya kajian ini, generasi sekarang lebih menghargai industri seniman negara kita dan mereka juga boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan pada masa hadapan. Penerbit program dan media masa juga mungkin akan lebih mengadakan program realiti berkisarkan artis veteran dan tidak dilupakan oleh masyarakat. Malah, Encik Mus May juga boleh memberi nasihat atau pandangan kepada artis yang baru menyertai industri seni sambil menjana pendapatan dengan menyertai program televisyen

Pada masa yang sama, kajian ini boleh dijadikan sumber bahan rujukan untuk mengetahui kerjaya sebagai penyanyi yang perlu dicontohi oleh masyarakat dan orang baru dalam industri muzik. Dengan penulisan ini, pengkaji boleh mendapatkan maklumat tentang kerjaya Encik Mus sebagai Penyanyi di Malaysia. Kajian seperti ini memudahkan pengguna dan pengkaji mengetahui bidang industri muzik kerana Penyanyi merupakan sumber manusia yang berperanan dalam mempertingkatkan karya seni. Pengkaji juga dapat mengetahui personaliti Encik Mus dalam menangani masalah dalam industri muzik. Justeru, penting untuk generasi kini mengetahui sejarah kepribadiannya yang merupakan artis veteran yang membanggakan bidang industri seni.

Tambahan pula, kajian ini berperanan membawa dan memperkenalkan ilmu industri muzik kepada semua masyarakat. Melalui orang yang ditemuduga juga mampu memberi pandangan tentang bidang muzik yang boleh dijadikan contoh dan model kepada masyarakat melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Nukilan ini akan menceritakan semua latar belakang Encik Mus sehingga kepada pandangan dan pendapat beliau terhadap industri muzik pada masa kini yang penting untuk diketahui umum sehingga ke peringkat antarabangsa.

4.0 Kajian Literatur

Tinjauan ini membincangkan tentang pendapat kajian lepas kerana ia sangat penting. Kerana sorotan itu, adalah terbukti bahawa Mus May adalah veteran yang disegani. Seterusnya, ia juga sangat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai bukti bahawa kajian ini adalah berbeza dengan kajian-kajian lepas. Perkara yang diambil kira dalam sorotan ini ialah artikel-artikel daripada buku, jurnal, majalah dan surat khabar. Kajian literatur ini banyak menggunakan artikel daripada majalah dan surat khabar kerana kajian tentang Mus May ini belum dikaji oleh pengkaji lepas. Selain artikel surat khabar terdapat juga artikel persidangan dan jurnal.

Semangat perjuangan Mus dalam bidang muzik ini diteruskan sebagai penyanyi solo dan sempat merakamkan sebuah album pada tahun 1993. Namun album ini kurang mendapat sambutan kerana konsep album ini telah berubah bukan seperti konsep Mus ketika bersama Kumpulan May dahulu. Ketika Mus kelihatan terumbang-ambing dalam industri muzik ini beliau telah ditawarkan untuk menyertai kumpulan Wings. Ekoran dari Awie meninggalkan kumpulan Wings dan ketidakstabilan vokal Wings ketika itu iaitu Mel, Black (Wings) yang pernah bersama Mus ketika dalam Kumpulan Strangers dahulu telah mengemukakan cadangan kepada Joe (Wings) untuk mengambil Mus sebagai penyanyi Wings yang baharu. Lagu "Biru Mata Hitamku" telah berjaya mengekalkan populariti kumpulan Wings. Tidak lama selepas itu Mus kembali menganggotai kumpulan May setelah Awie kembali menyertai Wings.

Pada tahun 2019, Mus mengumumkan sudah menarik diri dari kumpulan sejak Januari selepas mengambil kira keadaan kesihatannya yang kurang mengizinkan dan tidak lagi mampu menyanyi pada konsert seterusnya yang berdurasi lebih dari sejam. Kumpulan May juga menafikan tuduhan daripada media bahawa mereka berselisih fahaman antara satu sama lain. Malah, mereka menerima keputusan itu dengan terbuka dan cuba memahami keadaan May walaupun agak berat. Pada tahun 2020, May menyertai program Gegar Vaganza kerana ingin mencabar diri untuk menyanyi dalam genre lain. Walaupun ramai mengatakan bahawa May lebih sesuai menjadi juri kerana dia seorang veteran terkenal di Malaysia, May mengatakan bahawa penyertaan itu adalah salah satu cara untuk dia mencari rezeki dan tidak memikirkan untuk menang

kalah sahaja. Beliau juga mengatakan lebih baik jika dia menyahut cabaran dari panggilan program realiti itu daripada tidak berbuat apa-apa kerja kerana perintah kawalan pergerakan (PKP).

5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh

Pengenalan

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni nyanyian dan lakonani. Bersama-sama kami ialah Encik Mustaffa bin Din yang merupakan penyanyi dan pelakon seni tanah air dari tahun 1985 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 Disember 2021 bersamaan dengan hari khamis pada jam 3.00 petang. Sesi temubual ini dijalankan dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Amirul Hakimi Bin Othman dan Siti Hezel Sophia Binti Zamri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

- A.H : Baiklah Encik Mus, untuk seksyen pertama soalan berkenaan dengan latar belakang peribadi. Apakah nama sebenar dan nama penuh Encik Mus ya?**
- E.M : Okay nama saya adalah Mustaffa bin Din. *Double* [Ganda] F. Saya dilahirkan di Ipoh, Perak dan mendapat pendidikan di Ipoh, Perak juga. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Douglas dan juga Sekolah Menengah Jalan Label.**
- A.H : Soalan seterusnya, apakah nama gelaran encik di kalangan ahli keluarga?**
- E.M : Kalau orang kampung ataupun keluarga saya Tapa, pada awal dahululah. Tapi apabila saya masuk di dalam bidang ini, awal-awal dahulu, saya rasa saya kena cari nama yang sesuai ataupun nama komersial dan saya ambil nama singkatan ‘Mus’ dan benda itu berlaku hingga sekarang. Orang kampung memang akan kenal saya dengan nama belakang, Tapa [ketawa].**
- A.H : Baiklah, untuk soalan seterusnya. Berapakah bilangan adik beradik Encik dan merupakan anak yang ke berapa?**
- E.M : Adik beradik saya ada tiga [3] orang. Saya yang terakhir. Saya ada dua [2] orang kakak, Rohani bin Din dan Rohaya bin Din. Jarak antara kakak saya dan saya jauh sedikit. Saya rasa jarak hampir dekat dua puluh tahun [20] jugalah. Kakak saya dua [2] orang itu jarak tidak jauh.**
- A.H : Okay, terima kasih. Baiklah soalan seterusnya. Apakah cita-cita encik waktu kecil dahulu?**
- E.M : Kalau zaman sekolah macam-macamlah cita-cita. Standard kalau *batch* [kumpulan] saya dulu lah, tahun-tahun tujuh puluh an [1970], lapan puluh an [1980] dulu. Dulu sebenarnya kalau nak ikutkan industri muzik bukanlah satu industri yang kira untuk negara kita yang orang menjadikan sebagai cita-cita ataupun idaman dalam hiduplah. Jadi kalau tahun lapan puluh an [1980], kalau saya sekolah dulu dengan kawan-kawan saya pun biasanya kami kalau bercerita tentang cita-cita, kalau cikgu tanyalah biasanya kita kena memberi jawapan juga. Di dalam kepala, hanyalah ada “Menjadi cikgu,**

menjadi doktor”, mende-mende seperti itulah pekerjaan yang biasa kita Dengarkan? Dan saya juga adalah menyimpan cita-cita kononnya hendak menjadi macam -- sebab kadang-kadang bertukar tukar, dalam persekolahan kita ada minda yang kejap menjadi ini, kejap menjadi ini. Tidak ada tetapan tapi benda itu berlalu kira kita meletakkan pada nasib kita penghujung dia selepas kita belajar, kita akan menjadi seorang yang lebih kurang -- berguna untuk keluarga ataupun untuk masyarakat. Itu yang ada dalam cita-cita kita, apa-apa sahaja yang kita ingin, tidak ada ketetapan sangat sebab dalam mata pelajaran sekolah kita ini kejap ingin menjadi doktor, kejap menjadi cikgu. Apa yang cikgu tanya kita lintas tapi kita nak pastikan kita nak jadi *somebody* [Seseorang]. Cuma selepas persekolahan baru kita lalui hidup ini sebenarnya bukan bergantung pada apa yang kita inginkan selain bergantung pada apa yang kita lalui masa itu. Bagi sayalah, bagi orang lain ada juga ada yang belajar ingin menjadi *somebody* dan dia akan teruskan pelajaran itu. Macam saya melalui beberapa pengalaman yang akhirnya saya berjumpa kawan-kawan yang bermain muzik. Kita ke arah itu dan saya pun tidak terpikir nak jadi penyanyi. Kita teruskanlah minat kita itu sehingga tiba-tiba saya tidak sedar yang saya telah menjadi penyanyi sebenarnya sepanjang-panjang perjalanan itu. Macam itulah..

- A.H : Okay baik. Terima kasih ye Encik Mus untuk jawapan itu. Baiklah untuk soalan seterusnya. Pada tahun berapakah Encik Mus mendirikan rumah tangga?**
- E.M : Dia banyak sejarah di dalam kepala ini. Kadang-kadang ada benda yang ingat. Pasal lima puluh [50] tahun perjalanan, sekarang saya umur lima puluh tiga [53] tahun sekarang banyak sangat perjalanan saya lupa. (Mus May bertanyakan isteri). 1997, pada tahun 1997.**
- A.H : Okay baik, terima kasih Encik. Soalan seterusnya dimanakah Encik Mus menetap sekarang?**
- E.M : Sekarang ini saya menetap di Kuala Lumpur.**
- A.H : Kuala Lumpur? Okay baik. Untuk soalan seterusnya berapakah bilangan anak-beranak Encik Mus?**

- E.M** : Sehingga sekarang, saya dan orang rumah saya masih belum habis *honeymoon* [Bulan madu] (ketawa). Saya tidak mempunyai anak dan saya dan isteri saya masih dua [2] orang sahaja sehingga kini.
- A.H** : **Baiklah, terima kasih Encik Mus. Soalan seterusnya apakah hobi kegemaran Encik Mus ketika masa lapang?**
- E.M** : Buat masa ini sebab saya rasa saya dah ada dalam bidang nyanyian dan juga muzik ini. Banyak masa saya habis, kebanyakannya waktu studiolah, saya ada studio. Tapi ada jugalah kalau saya di rumah tu kadang-kadang adalah juga membuat ataupun saya melakukan perkara apa yang diluar bidang sayalah. Kalau di rumah itu kadang-kadang saya.. Kalau orang dengar pun “Apalah mat rock”. Kadang saya bercucuk tanam (ketawa). Tanam bunga. Itu kadang-kadang masa-masa yang saya rasa saya perlu membuat sesuatu di rumah. Sebenarnya saya suka melukis juga cuma minat-minat ini, hobi-hobi ini bukanlah saya jadikan sebagai hobi yang saya lakukan sentiasa. Waktu ini, saya rasa saya macam nak melukis dan saya akan menghabiskan masa dalam waktu yang tertentu tu untuk saya melukis. Kemudian ada satu masa nanti saya tengok benda lain pula ataupun berkebun kecil di rumah saya. Macam itulah.
- A.H** : **Okay terima kasih Encik. Baiklah soalan seterusnya. Apakah motto atau prinsip kehidupan Encik Mus?**
- E.M** : Prinsip. Sebab kita banyak perkara kalau prinsip ni saya sentiasa kalau membuat sesuatu memang saya berpegang pada satu prinsip pada diri saya contoh kalau saya menyanyi atau pun saya membuat sesuatu yang betul-betul saya minat ataupun itu adalah karier saya atau itu adalah suatu yang betul-betul saya rasa bermakna bagi diri saya. Saya akan membuat benda tu sehingga saya berjaya. Tapi nak berjaya dengan sesuatu kita buat sebenarnya dia tak boleh terus buat benda itu semata-mata kira buat saja. Saya suka *plan* [Merancang], setiap satu yang saya buat saya akan *plan* [Merancang]. *Plan* [Merancang] dari awal, apa yang saya nak buat saya akan *follow plan* [Ikut rancangan] itu. Tapi kalau dia tak jadi *exactly* [Betul-betul] pun, *at least* [Sekurang-kurangnya] kita ada sesuatu yang kita buat tu daripada sesuatu yang kita

plan [Merancang] awallah. Saya tak suka membuat sesuatu itu caca marba ke, ataupun membuat benda yang kita tidak reti. Benda yang saya reti, benda itu kalau saya minat, saya nak tahu juga saya akan buat sampai benda itu sampai saya faham dan saya akan membuat benda itu mengikut apa yang saya *plan* [Merancang] lah, macam itulah. Itu antara prinsip saya kalau dalam perkara yang saya membuat sesuatu lah. Sama juga dalam bidang nyanyian, dalam bidang karier saya.

- A.H** : **Okay, baiklah terima kasih ya Encik Mus untuk jawapan itu. Baiklah soalan seterusnya, dari manakah asalnya gelaran Mus May itu?**
- E.M** : Saya sendiri tak pernah letak nama seperti itu. Saya letak nama saya Mus je begitu je kan. Tapi mungkin pasal saya dulu dengan ‘*May*’ beberapa tahun kan dan orang bila jumpa saya selalunya bila orang nak mengingatkan kita, nak ingat kita akan menggunakan nama kita dengan apa yang berkaitan dengan kita. Jadi sepanjang masa saya dengan ‘*May*’ saya *start* [Mula] pada tahun lapan puluh enam [1986], lapan puluh tujuh [1987] macam itu, awal-awalnya mungkin orang panggil nama saya tapi selepas-selepas tu banyaknya bila orang panggil saya “Mus May, Mus May”. Orang yang selalu memanggil saya ini orang yang jarang jumpa saya selalunya macam tu ataupun orang yang bekerja dengan saya. Orang itu jarang dengan saya tapi dia bekerja dengan saya, *so* [Jadi] dia memanggil Mus May dan juga peminat-peminat, mana *fan-fan* [Peminat] saya yang kenal. *So* [Jadi] benda melekat dah bertahun-tahun walaupun saya dah keluar ‘*May*’ pun mereka memanggil Mus May juga (ketawa). Jadi saya tak kira macam saya *appreciate* [Hargai] juga, saya menghargai orang yang memanggil saya itu sebab orang tu tau apa yang berkaitan dengan sayalah. Jadi bila orang memanggil saya Mus May, okay. Sehingga saya tidaklah juga nak menyuruh orang memanggil saya Mus May, saya biasa panggil Mus je. Tapi benda itu berlaku begitu jadi saya biar walaupun saya tidak lagi dengan ‘*May*’ orang *still* [Masih] panggil Mus May. Cuma saya kadang-kadang dari segi, bila saya dah tak bersama ‘*May*’ tak sepatutnya saya nak menggunakan nama Mus May ataupun dekat konsert menggunakan Mus May. Jadi kalau yang benda ‘official’, saya cakap jangan gunakan nama Mus May, Mus saja sebab itu berkaitan dengan kira sebab ‘*May*’ ada lagi nanti mereka kata saya menggunakan

nama jadi benda-benda perkara yang macam itu saya cuba elakkan. Saya cakap panggil saya Mus saja tapi kalau orang biasa nak panggil Mus May saya tiada nak larang dan tiada nak apa cuma untuk *official* [Rasmi] saya beritahu mereka jangan gunakan nama Mus May.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- A.H** : **Baiklah, terima kasih ya Encik. Okay maka selesai untuk seksyen bahagian peribadi. Baiklah untuk seksyen seterusnya, latar belakang pendidikan. Untuk sekolah rendah, di manakah encik menerima pendidikan di sekolah rendah?**
- E.M** Macam saya sebut tadi, saya bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Jalan Douglas di Ipoh, Perak.
- A.H** **Tahun berapa ya encik?**
- E.M** Alamat, tahun sekolah saya rasa tujuh puluh lima [1975]. Darjah satu [1] masa tujuh puluh lima [1975].
- A.H** **Okay tujuh puluh lima [1975], baiklah. Seterusnya, adakah encik pernah mendapat jawatan apa-apa sewaktu di sekolah rendah? Macam pengawas ke atau apa-apa sahaja.**
- E.M** Saya di sekolah sebenarnya saya bukan satu orang yang macam sekarang ini mana semua orang kenal saya. Saya waktu sekolah dahulu saya dikira macam *relax* [Tenang] sahaja. Bukanlah macam ada juga diantara rakan-rakan saya itu yang dia kalau sekolah itu kita panggil macam sekarang ni di sekolah dia *glam*

[Popular], dia *top* [Atas] dalam student, *top* [Atas] student macam itu kan. Saya bukan satu orang yang macam itu, saya kira *relax* [Tenang] bersederhana sahajalah. Cuma kadang-kadang bila ada aktiviti-aktiviti sekolah contoh macam pengawas ada juga saya masuk pengawas masa zaman sekolah dan juga bersukan. Kalau masuk waktu sekolah saya mewakili sekolah rendah dan juga menengah saya bermain hoki dan juga bola sepak.

- A.H** : Okay, baiklah. Terima kasih ya encik. Baik untuk soalan seterusnya, adakah encik memperolehi sebarang pencapaian yang terbaik semasa zaman sekolah rendah?
- E.M** : Tiada, saya bersederhana. Kalau peperiksaan pun saya bukanlah kira *top* [Atas] student yang mendapat markah tinggi. Saya sederhana. Nak kata teruk sangat tidak, nak kata kira terlalu pandai sangat pun tidak. Zaman sekolah saya sederhana, saya sederhana begitu.
- A.H** : Okay baiklah, terima kasih ya Encik Mus. Soalan seterusnya, bolehkah encik kongsikan salah satu kenangan manis ketika sekolah rendah?
- E.M** : Uish, rendah-rendah kena ingat balik ini. Selalunya kalau terjumpa rakan-rakan sekolah dulu kan, kadang-kadang saya terjumpa rakan sekolah banyaklah perkara. Sebab dia macam inilah bila kita melalui alam persekolahan atau alam remajalah, tapi kalau kita nak cerita sekolah rendah saya sebenarnya suka bergaul dengan kawan-kawan yang agresif. Bukan nak jadi budak-budak jahat, tiada. Saya suka yang agresif yang mana *sport* [Sukan], yang suka main *sport* [Sukan] ataupun suka yang kira, dia kadang-kadang ada yang nakal-nakal. Ada seorang dua dalam kelas kita yang suka jenis selalu kena rotan, so [Jadi] saya antara seorang -- salah seorang yang terbabit jugalah kadang-kadang, kena rotan dengan cikgu (ketawa). Bukan pasal apa, kadang bising dalam kelas kan. Kelas cikgu tak masuk kita “Huha huha”, bising dan cikgu suruh berdiri atas kelas. Bukannya suruh, yang bising nya dua tiga orang tapi satu kelas kena berdiri, satu kelas kena rotan dekat punggung (ketawa). Tu antara perkara, lagi satu kadang-

kadang dekat sekolah saya itu dia ada dia bangunan dua tingkat, ada bukit sikit dan kadang-kadang kita bukanlah, kita macam ada rakan-rakan yang dia akan mulakan melompat daripada tingkat satu tu melompat, tapi tidak tinggi sangatlah, tidak sampai satu tingkat nak melompat sebab ada bukit kan kita melompat separuh dekat situ, kadang-kadang yalah bila sekolah rendah untuk budak-budak bila tengok buat apa melompat macam itu dan kita melompat adalah kalangan kawan-kawan saya itu yang lima [5]- enam [6] orang ini yang jenis suka buat-buat benda macam itu dan saya ‘follow’ juga kita melompat daripada tingkat atas itu. Benda itu sudah kecoh dan cikgu dengar, cikgu dapat tahu, cikgu disiplin dapat tahu, kena rotan lagi sekali lah (ketawa). Masa lompat-lompat itu sebab ada yang *report* [Mengadu], so [Jadi] itu antara kadang-kadang main-main dalam ingatan saya kalau saya jumpa kawan-kawan saya yang sekolah rendah ini, kita bercerita tentang perkara-perkara itulah.

- A.H : Okay baik, terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya berkenaan dengan sekolah menengah. Di mana ya sekolah menengah Encik Mus?**
- E.M : Saya sekolah, sekolah jenis kebangsaan juga, Sekolah Menengah Jalan Label di Ipoh juga. Sekolah rendah saya itu jauh sedikit daripada kampung saya, jauh sedikit tapi Label ini dekat sedikit. Betul-betul keluar daripada Kampung Manjoi itu, kalau orang Kampung Manjoi saya itu dia tahu sangatlah sekolah menengah itu, kalau orang Ipoh tahu lah sekolah Label dia panggil.**
- A.H Baiklah, tahun berapa ya Encik Mus sekolah menengah?**
- E.M Kejap, saya masuk tahun lapan puluh satu [1981] atau tahun lapan puluh dua [1982] ya (cuba ingat kembali). Okay lapan puluh satu [1981]. Lapan puluh satu [1981] saya masuk sekolah menengah.**
- A.H Lapan puluh satu [1981], okay. Soalan seterusnya. Adakah encik pernah menyertai mana-mana aktiviti kelab atau program sewaktu di sekolah menengah?**

E.M Sekolah menengah ada juga banyak aktiviti, lebih lagi dari sekolah rendah. Sama juga saya ada masuk dalam sukan iaitu hoki mewakili sekolahlah, hoki dan juga bola sepak. Tapi ketika waktu saya dahulu bukan macam zaman sekarang, zaman sekarang kalau kita tengok aktiviti sekolah amat berbeza dengan waktu saya tahun lapan puluh satu [1981] dulu. So [Jadi] sesiapa pernah bersekolah daripada lapan puluh [1980] kebawahlah atau sembilan puluh [1990] kebawah, zaman persekolahan kita ada, nak kata sedikit banyak jugalah berbeza lah dengan zaman sekarang ini di persekolahan sebab zaman sekarang punya persekolahan kalau ikutkan kalau tak sebab ‘PKP’ ini, aktiviti sekolah ada banyaklah kan. Macam zaman dulu, tak terlalu banyak macam sekarang ini, ada juga untuk macam kalau nak aktiviti selepas kelas kan. Habis kelas ada aktiviti, macam saya dulu begitu juga saya ada mewakili sekolah so [Jadi] kadang-kadang selepas ada waktu sekolah, kelas petang, kalau saya sekolah pagi petang kita akan bermain bola. Kalau waktu kita ada pertandingan bola ataupun pertandingan hoki, saya akan bermain hoki dan selebih itu ada jugalah kalau untuk aktiviti yang tak melibatkan mewakili sekolah kita akan ada macam permainan badminton ke, banyak ke sukan. So [Jadi] untuk kurikulum yang lain tu tak terlalu banyak, kita ada juga kelas tambahan zaman itu. Ada juga kelas tambahan, maknanya tapi kelas tambahan itu tak terlalu ditekankan macam zaman sekarang, kita ada banyak benda yang ekstra atau lebih pada yang kita pelajari di kelas. Kalau zaman dulu, waktu kelas itu, itulah yang *main* [Utama] kita tapi untuk kalau kita sekolah pagi tapi kalau ada waktu petang itu mungkin kita ada pergi macam kita panggil apa itu? Kelas tambahan untuk mata pelajaran yang kita rasa kita ada *confuse* [Keliru] sedikit. Sebab kalau nak dekat-dekat peperiksaan kita mungkin tidak dapat banyak info pada cikgu semasa kelas, kita ambil kelas tambahan petang.

A.H : **Soalan seterusnya. Adakah Encik Mus memperolehi sebarang pencapaian yang terbaik pada zaman sekolah menengah?**

E.M : Sekolah menengah?

A.H : **Ya.**

- E.M** : Kalau zaman saya dahulu, yang pentingnya kita nak macam lulus SRP. Zaman dulu kita akan ada SRP, tingkatan tiga [3] dan juga SPM, tingkatan lima [5] kan. So [Jadi] tingkatan tiga [3] tu lulus SRP, itu antara perkara yang terbesarlah. Zaman itu kita tidak banyak perkara seperti yang saya kata tadi zaman itu, zaman saya itu untuk persekolahan punya (berfikir). Selain dari peperiksaan itulah yang penting. Contohnya kalau dari tingkatan satu [1] hingga tingkatan tiga [3], kita perlu *concentrate* [Menumpukan perhatian] masa tingkatan tiga [3] itu kita akan ambil SRP, Sijil Rendah Pelajaran kan.
- A.H** : **Okay, terima kasih encik. Okay soalan seterusnya, ketika zaman sekolah menengah adakah Encik Mus pernah menyertai sebarang pertandingan yang berkaitan dengan muzik ataupun lakonan?**
- E.M** : Tak banyak. Masa zaman sekolah, rendah dan menengah kalau macam ada. Saya tak ingat ya. Kalau ada macam hari guru, dia akan ada hari guru dan kita akan ada buat macam aktiviti dan sikit persembahanlah. Ada juga lah yang saya menyanyi tetapi waktu itu bukanlah saya jadi penyanyi betul sangat. *Just* [Hanya] kita waktu tu kita untuk persekolahan jadi penyanyi je. Kawan dua tiga orang yang kita nyanyi, ada juga dia. Tapi waktu zaman persekolahan bukanlah waktu yang saya terapkan, informasi tentang muzik sangat sebenarnya waktu sekolah saya tak terfikir langsung yang saya nak minat muzik ke, atau saya nak menyanyi ke, atau niat nak jadi penyanyi memang tiada langsung masa zaman sekolah itu. Sikit pun tidak, lagi-lagi memanglah kita suka dengar muzik saya ada dengan kawan-kawan saya itu kalau dia pergi ke rumah saya ke, saya pergi ke rumah dia ke, kita akan dengar lagu tapi tak terfikir pula yang kita nak jadi pemuzik atau penyanyi. Tapi mendengar muzik memang saya minatlah.
- A.H** : **Okay baik. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, apakah subjek kegemaran Encik Mus?**
- E.M** : (Ketawa) Saya kalau ikutkan zaman sekolah saya tak tahu kenapa saya suka ilmu sains. Walaupun saya sebenarnya tak bagus sangat dalam sains. Kadang-kadang

saya tak faham sangat pun. Dalam zaman sekolah cara pemikiran saya waktu sekolah dengan cara pemikiran waktu selepas sekolah amat berbeza sebenarnya. Waktu sekolah, saya kira kadang-kadang ada pelajaran-pelajaran yang saya belajar itu, dia mencari lalu je (ketawa). Faham cari lalu? Saya dengar cikgu cakap, saya faham, saya balik dan tak tahu apa-apa pun, macam itu. Waktu sekolah maknanya saya punya otak ia tak betul-betul *progress* [Kemajuan] lagilah. Tapi saya suka mata pelajaran sains sebab saya suka macam bukan ambil tahu, saya suka mendengar ataupun saya suka membaca kadang-kadang tentang benda-benda yang berkenaan dengan sains. Contoh dia, apa itu --.ialah benda-benda yang tentang sains. Saya baca, saya suka. Tapi kalau peperiksaan pun bukan bagus sangat pun. Bukan saya ambil -- saya suka tu sebab saya minat sangat dan saya belajar betul-betul. Saya ambil untuk mata pelajaran itu kira macam biasa macam pelajar-pelajar lain. Tapi dalam banyak-banyak mata pelajaran, ilmu sains adalah mata pelajaran yang kira saya sukalah.

- A.H** : **Okay, baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, siapakah kawan baik Encik Mus ketika sekolah menengah?**
- E.M** : Ramailah, ramai kalau yang rapat. Saya sebenarnya rapat kalau ikutkan kawan sekolah saya, kawan sekolah rendah saya. Ada juga kalangan kawan-kawan sekolah rendah saya yang bila saya sekolah menengah berada di sekolah yang sama tapi ada juga kawan yang habis sekolah rendah dan sekolah menengah dia dah sekolah lain. Saya ada satu orang, ramailah kawan-kawan yang rapat tapi yang selalu saya berhubung sehingga sekarang pun sekarang adalah rakan saya dari sekolah rendah iaitu Zulkifli Muhammad Tahir. Dia masa sekolah rendah saya selalu pergi rumah dia, saya rapat dengan dia. Ada juga kalangan kawan-kawan lain yang rapat juga tapi dia yang saya kalau kita ada apa-apa benda nak *meeting* [Berbincang] ke apa, nak jumpa ke saya akan cari Zulkifli. So [Jadi] dia antara kawan rapat saya. Tinggal lagi masuk sekolah menengah dia bersekolah di Sekolah Izzudin Shah iaitu maktab, dia maktab dan dia duduk asrama dan saya sekolah di Sekolah Jalan Label tadilah. Dan walaupun kita di sekolah lain

kalau dia ada balik, ada cuti, ada apa, kita tetap jumpa dan selepas sekolah pun dia dah bekerja di apa ni (berfikir). MAS, kita masih berhubung dan sehingga sekarang kita masih berhubung dengan dia. So [Jadi] saya rapat dengan dia dari darjah satu [1] sampailah sekarang, saya masih berhubung dengan dia. Ada juga kawan-kawan lain yang saya berhubung dan jumpa juga tapi nak cite zulkifli ni, kita rapat tu lain sebab banyak perkara yang saya *share* [Kongsi] dengan dia. Maknanya, muzik dia pun, dia pun bermain muzik tapi dia *concentrate* [Menumpukan perhatian] untuk nak bekerja dan bila lepas sekolahlah kita macam ada main band jugalah dengan dia. Saya ada, dia main bass apa semua, ada buat *group* [Kumpulan] yang kira *jam-jam* [Bermain muzik] je. Tapi selepas itu bila dia dah kerja di MAS dan saya teruskan nyanyian saya dalam bidang nyanyian lah.

- A.H** : **Okay, baik. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, siapakah guru kegemaran Encik Mus ketika sekolah menengah?**
- E.M** : Guru kegemaran ya? (ketawa). Bila umur macam ini nak ingat nama cikgu? Ingat. Kadang-kadang jumpa kawan saya yang sekolah sama kita ada cerita tentang zaman sekolah dan ada dua tiga cikgu yang - - macam cikgu - - kalau - - kita dulu kalau kelas kita ada cikgu -- walaupun cikgu tu cikgu mata pelajaran tapi dia juga adalah cikgu kelas, macam cikgu Zaiton. Dia (Cikgu Zaiton) *famous* [terkenal] sebab dia cantik sikit kan jadi kitorang selalu menjadikan - - (ketawa). Cikgu cantik adalah cikgu yang selalu menjadi bualan kitorang la. Cikgu Zaiton, cikgu Zaleha dan kalau cikgu lelaki ada juga. Dia cikgu ilmu hisab dan nama dia Cikgu Tong. Dia garang (Cikgu Tong). Cikgu itu kalau kita cite tentang hal sekolah, kalau cite hal cikgu itu siapa yang tak pernah kena, semua pernah kena. Kalau kita ada silap ke, yang nakal-nakal ke akan kenanya, selalunya akan kena macam ni (menunjukkan cara). Dia akan -- (ketawa). Memang sakit. So [jadi] kadang-kadang kita paham cikgu ni -- waktu tu -- Waktu kita sekolah kita rasa cikgu ni garang, ooo cikgu ni marah aku. Yang sebenarnya cikgu ni nakkan kita jadi sorang yang terbaik dalam -- sebagai pelajar, betul tak

kan? Jadi waktu tu format dia memang kalau waktu saya sekolah format dia untuk menjadikan pelajar itu terbaik selalunya cikgu ni dia kena jadi garang. Zaman sekarang dah lain. Zaman sekarang ada format lain untuk menjadikan pelajar itu satu orang yang terbaiklah contohnya gitu. Tapi masa zaman saya itu cikgu terpaksa jadi garang. Kalau kita nak mata pelajaran -- kadang-kadang kalau cikgu yang jenis -- kalau cikgu perempuan la selalu. Macam cikgu Zaiton, cikgu Zaiton garang juga, cikgu zaleha. Dia masuk sekolah, dia ajar, *student* [pelajar] sume dok sembang (ketawa). Kitorang dekat belakang bersempang itulah jadinya gitu, dia ajar je. *So* [jadi] kalau cikgu perempuan ni lain, kalau cikgu lelaki lain. Kita tengok dari jauh dia datang nak masuk kelas je kan, kita dah duduk diam-diam dah. Bila dia masuk, dia ajar je kan, paham tak paham kita angguk je. Sebab kalau tak paham juga dia akan datang -- kenalah. Ada yang siap bawa rotan (ketawa), bawak pembaris lagi kan. Kalau tak paham.. Kalau dia bagi soalan, kita jawab salah je kena katok tangan. Letak jari dekat tangan. Zaman saya tu cikgu mempunyai format yang berbeza dengan zaman sekarang untuk mengajar. Tapi kita paham bila lepas sekolah kita cite-cite sebenarnya cikgu ni nak bagi kita tu paham dengan apa yang dia ajar dan menjadi orang yang baik sebenarnya. Orang yang berguna kepada masyarakat sepatutnya begitu. Itulah sebabnya cikgu tu jadi macam tu. Dia garang.

- A.H : Okay baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, di manakah Encik Mus sambung belajar di peringkat universiti?**
- E.M : Saya tak masuk universiti. Saya sebenarnya habis sekolah, habis sekolah menengah tu saya terus jadi Mat Rock (ketawa). Saya di universiti saya tempat lepak di tepi jalan (ketawa). Minta maaflah saya cakap. Sebab saya lalui menda ini, zaman saya -- zaman ketika saya membesar peralihan dari sekolah menengah ke zaman sepatutnya kita mencari pekerjaan waktu tu pilihan untuk kita memilih jalan hidup yang kira yang baguslah contoh dia ya. Kita mempunyai terlalu banyak -- tak bukan terlalu banyak cabang, pilihan dia tak terlalu banyak. Sebab zaman saya tu tak terlalu banyak untuk kita nak apa tu**

explore [meneroka] ataupun nak menambah mata pelajaran. Zaman tu rasa kalau boleh nak cepat je habis sekolah menengah tu, *form* [tingkatan] 5 tu nak habis lepas tu kita nak pergi kerja je. Selepas sekolah tu saya adalah bekerja bukanlah kerja...kerja kilang saya pernah. Kerja kilang kalau tempat saya tu kalau zaman saya tu dia *popular* [terkenal] dia panggil kilang *port* [pasu]. Membuat pasu tu ataupun zaman tu dia ada satu kilang tu dia membuat macam kalau orang zaman saya tu dia ada dapur yang membuat daripada tanah liat. So [jadi] kebanyakan kawan-kawan saya dan saya sendiri pun macam lepas sekolah kita takde buat apa-apa ataupun kadang-kadang cuti sekolah, waktu zaman sekolah cuti dua minggu – kita ambik cuti penggal tu kita akan cari bekerja di kilang-kilang. Macam saya pernah juga bekerja di kilang *port* [pasu] tu. So [jadi] dia tanah liat membuat tanah liat ada yang membuat pasu, ada yang membuat dapur daripada tanah liat tu. Saya pernah bekerja di situ. Dan juga selepas tu saya bekerja dengan syarikat ape ke nama tu yang menanam kabel untuk zaman sekarang ni kalau dia panggil kabel optik apa sume diorang tanam bawah tanah saya pernah bekerja. Telekom punya bukan telekom (E.M bertanyakan isterinya). Saya pun terlupalah lama dah (ketawa). T.M ke? (A.H mencelah). Bukan apa dia? T.M? (A.H mencelah). Siri Kom, minta maaf. Dia sebelum ada CELCOM apa sume ni dulu ada satu syarikat nama dia Siri Kom. Siri Kom ni adalah syarikat yang masa zaman tu dia panggil menanam kabel la, menanam kabel bawah tanah so saya pernah bekerja dengan masa *time* [time] tu. Sebelum saya jadi penyanyi lah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

- A.H** : Okay, baiklah terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya adalah berkenaan dengan pengalaman kerjaya. Baiklah, siapakah tokoh yang memberikan inspirasi kepada Encik Mus sebagai penyanyi veteran?
- E.M** Tokoh ya? Semasa saya tahun-tahun -- saya bermula 1988 camtu lah, 1987, 1988. 1986 lah, 1986. 1986, 1985 lepas sekolah lepas 1986 sebenarnya negara kita ni tak banyak sangat waktu tu waktu tu rock baru nak naiklah, rock baru nak naik, sebenarnya dah ada rock. Zaman saya tu *band* [kumpulan] rock ataupun penyanyi rock yang ada masa tu yang kita kenal sebenarnya adalah '*Sweet Charity*'. Dato Ramli Sarip. Jadi kalau kita pergi *jam* ke apa ke, kita akan mai./;drf nkan lagu-lagu kebanyakannya lagu-lagu dari '*Sweet Charity*' dan awal-awal dulu tahun 1987, 1988 sebenarnya kumpulan pertama adalah '*Search*'. So masa tu pun saya masih baru lagi, saya masih baru so [Jadi] tak banyak *band* [kumpulan], tak banyak lagu rock di Malaysia yang kita boleh main. Dia adalah lagu daripada '*Sweet Charity*' dan juga lagu '*Search*' awal-awal saya dulu, waktu tu '*Search*' baru lagi album yang pertama. Tapi saya kira dah ada *band* [kumpulan], dengan '*May*' dah ada dah masa tu tinggal lagi kita tak merakamkan album kita masih lagi ikut kumpulan '*SYJ*' untuk *opening* /pembuka] band. Jadi itu antara band yang awallah dulu. Selebihnya kita terpaksa dengar banyak lagu daripada band luar band-band yang luar. '*Iron Maiden*' ke sebutlah apa band-band yang waktu 1980-an kebanyakannya itulah antara yang kita yang membuat sebagai *reference* [rujukan]. Ataupun band yang kita rasa kita suka *limit* [terhad] sangat untuk kita jadikan sebagai *reference* [rujukan] kalau di Malaysia.
- A.H** : Okay, baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Baiklah soalan seterusnya, siapakah penyanyi kegemaran Encik Mus?
- E.M** : Sekarang ke dulu?
- A.H** : Mana-mana je.
- E.M** : (Ketawa). Kalau ini luar ke dalam negara?
- A.H** : Luar atau dalam negara pun boleh.

- E.M** : Okay, kita cite banyak dalam negara dulu tapi kalau ikut pengalaman macam saya cakap tadi waktu saya nak *build up* [Membina] saya punya apa tu saya punya -- kira minat dalam nyanyian ni. Macam saya cakap tadi tak banyak untuk kita membuat *reference* [rujukan] dalam Malaysia antaranya ada Ramli Sarip, ‘Sweet Charity’ kalau band dia ‘Sweet Charity’. Untuk rock lah untuk rock. Saya dengar juga lagu-lagu lain sebenarnya dalam kehidupan saya walaupun saya minat rock, saya menunjukkan saya ni seorang rocker tapi sebenarnya saya dengar juga lagu-lagu lain. Sudirman punya lagu. Sebutlah apa saja yang popular sebenarnya saya ikuti saya *study* [Ulang kaji], saya dengar. Waktu awal-awal dulu sebenarnya kalau kat rumah tu saya satu orang yang suka mendengar zaman dulu ada *player* [Pemain] kecil gitu kita dengar kaset je. Kalau buka radio tak banyak lagu-lagu rock jadi kita terpaksa ada kaset, mesti ada *player* [Pemain] untuk kita nak dengar..muzik rock kan. Tapi kadang-kadang bila bukak radio kita dengar juga lagu-lagu lama..lagu-lagu yang lain selain daripada rock. So [Jadi] itu antaranya kalau kata band luar...band luar...macam yang saya sebut tadilah band luar banyak, banyak. Waktu tu kalau saya terpaksa nak mendengar lagu, lagu band luar saya terpaksa dengan kawan-kawan saya kita pergi ke bandar cari kedai kaset zaman tu kaset je yang ada, cd pun belum ada lagi, cari kaset dan kita akan setiap minggu saya akan membeli ah kaset-kaset dari luar punya. Banyaklah kalau kata luar ni. Kalau mat rock *time* [Masa] tu, kalau sebut ‘Iron Maiden’ ke ‘Loudness’ ke semua tu adalah band-band yang menjadi inspirasi untuk yang kita buat selepas-selepas tu dan banyak inspirasi.
- A.H** : **Okay, baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Baiklah soalan seterusnya, siapakah pelakon kegemaran Encik Mus?**
- E.M** : Pelakon? Luar ke dalam negara?
- A.H** : **Sama juga. Luar dan dalam.**
- E.M.** : Apa yang sama? (E.M ketawa). Saya sebenarnya –bila sekarang ni saya *input* [Masuk] info saya atau *input* [Masuk] saya banyak sebenarnya. Tapi kalau nak fokus *time* [Masa] tu memang dia ginilah ikut mana pun. Saya macam saya cakap muzik tadi semua saya dengar walaupun saya *concentrate* [Menumpukan perhatian] kan. Serupa juga kalau

tanya pelakon. Banyak pelakon yang saya minat. Kalau kita buka tv ke itu -- tengok wayang ke zaman tu kita gi panggung wayang kita tengok wayang banyak pelakon yang saya minat. Tapi ikut mana pun kadang-kadang hidup saya, saya ada waktu yang saya macam *study* [Ulang kaji]. Ada waktu yang saya memikir-mikir. Untuk semua-semua pelakon ni bila saya *study* [Ulang kaji] balik sebenarnya Tan Sri P.Ramlee adalah satu orang yang saya rasa idola yang saya bawakan dalam diri saya walaupun saya bukannya pelakon saya jadi penyanyi tapi saya bawakan apa kebolehan dan kelebihan Tan Sri P.Ramlee. Sebab dia satu orang kita tau dia pelakon tapi dia juga adalah pengarah, dia adalah juga apa tu -- panggil apa -- komposer membuat lagu, membuat lirik lagi. *So* [Jadi] kat situ saya nampak dia satu orang yang *versatile* [Serba boleh] sebenarnya. Bila nak jadi satu orang *versatile* [Serba boleh] dia bukan boleh memang betul kalau ikutkan mende itu bakat, dia jadi dengan bakat. Walaupun orang lain cuba nak buat jadi dia, tak jadi sebab dia bakat. Tapi sebenarnya bakat itu datang dari usaha. Sebab saya tahu dia satu orang yang kreatif, satu orang yang membuat sesuatu itu bukan buat dalam lebih-lebih kurang. Dia akan buat mende tu contoh macam kalau filem, kalau kita tengok filem, kalau kita *study* [Ulang kaji] bukan kita buat filem tu kalau kita tengok dia punya *joke* [Lawak] macam selamba punya sebenarnya tak dia ada *connection* [Kaitan] dengan perkara-perkara lain. Jadi cite kita...cite kita nampak dia *genius* [Bijak]. Dia boleh *connect* [Kait] dengan mende-mende yang lain selain daripada kalau kita tengok cerita itu menggambarkan sesuatu perkara atau cite tentang tu ke sebenarnya mende tu adalah berkenaan...perkara yang lain. Kadang-kadang dia ada *double meaning* [Dua maksud] kat situ. *So* [jadi] mende-mende kat situ saya *study* [Ulang kaji]. Saya mengagumi Tan Sri – Arwah Tan Sri – Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Dia boleh buat mende yang macam itu.

- A.H.** : **Baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, apakah genre lagu kegemaran Encik Mus?**
- E .M** : Rock dah tentulah. Ahhhh sebenarnya macam saya kata tadi walaupun saya bidang saya ataupun kerjaya saya tu melibatkan muzik rock. Tapi sebenarnya muzik pop semua adalah berkaitan. Sama juga dengan muzik-muzik yang lain. Dangdut ke, walau asli ke

saya *still* [Masih] mende tu sebab tu saya buka studio. Sebab saya nak tahu dalam muzik ni kalau -- adakah saya -- awal-awal dululah adakah saya nak tahu rock je memanglah kadang-kadang prinsip kita sebagai mat rock kena ada prinsip “Eh tak mainlah muzik lain, rock saje”. Tapi tak sebenarnya bila di sebalik yang tu bila saya sorang, bila untuk diri saya sendiri saya *study* [Ulang kaji] banyak. Saya *study* [Ulang kaji] saya mendengar juga banyak muzik yang lain. Tak kira apa genre pun dan saya...saya nakkan...setiap satu tu nak..nak paham kaitannya antara satu-satu muzik dengan sejarah dia apa sume kan. Saya suka mengkaji mende tu walaupun mungkin tak – tentang satu-satu tu tak mendalam tapi saya kaji ada mende yang saya kaji secara apa tu -- dia panggil -- macam *rough* [Kasar] sajalah. Tapi ada juga yang kalau yang berkaitan ngan rock sikit tu saya kaji mendalam sikit lah saya kaji *detail* [Teliti] sikit sebab mende ni, saya jenis suka bila saya sorang-sorang saya bukan jenis yang -- bukan jenis yang kata orang -- kalau buat satu tu, satu tu je. Saya sebenarnya -- disebaliknya saya suka ketahui mende-mende yang lain juga. Saya suka memahami. Walaupun macam kata saya -- bukanlah penyanyi pop atau bukanlah penyanyi dangdut apa sume tapi sebaliknya kadang-kadang saya mengkaji juga. Dangdut ni macam mana cara nyanyiannya. Macam mana muzik terhasil dan saya kaji juga sejarah dia sikit-sikit walaupun tak mendalam saya ambil tahu juga. Sama juga dengan yang muzik-muzik lain walau *arabic* [Arab] punya muzik ke macam mana *scaling* [Penskalaan] dia walaupun tak pandai sangat main muzik sebenarnya. Saya tak pandai sangat main muzik tapi saya cuba sebab kita masuk..bila buat kerja dalam studio masa *time* [Masa] kalau ada rakaman. Saya akan ikuti proses rakaman tu daripada mula sampai habis walaupun waktu tu adalah waktu *part* [Bahagian] gitar camtu waktu rakaman gitar. Macam dulu kalau dengan Abu apa sume *and* [Dan] ada bass, dia awal dengan dram dulu tapi saya akan ikuti proses rakaman itu dari awal sampai *last* [Terakhir] sampai ke proses *live* [Siaran langsung] dia *mixing* [Pencampuran]. *Time* [Masa] saya nyanyi, saya nyanyilah tapi *time* [Masa] takde apa saya akan tengok dan mende yang saya nak tahu saya cuba paham saya akan bertanya dengan kalau pekerja waktu tu kita ada -- ataupun penerbit saya akan bertanya dengan penerbit mende ni macam mana mende ni...saya...jenis suka yang camtu. Tapi ada juga setengah tu kalau contoh macam main gitar, dia dah habis gitar *part* [Bahagian] dia kan dan besok masuk *part* [Bahagian]

bass ataupun masuk part nyanyi ke dia takde dah -- dia dah -- (ketawa) pergi mana dah yang penyanyi contoh akan bekerjasama dengan *producer* [Penerbit] buat kerja dengan *sound engineer* [Jurutera bunyi] dan yang-yang lain tak pergi mana dah tapi saya tak suka dari awal sampai habis saya akan ikutilah perkembangan atau proses dalam rakaman.

- A.H** : **Okay, baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya adalah dalam bidang nyanyian. Okay pada tahun berapa Encik Mus memulakan kerjaya sebagai penyanyi?**
- E.M** : Sebenarnya saya mula pada tahun lapan puluh enam [1986] lah, lapan puluh enam [1986]. Pertengahan 1986. Dia awal lapan puluh lima [1985] sebenarnya sebelum saya...sebelum saya habis sekolah tu saya dah minat-minat muzik la kalau kita jumpa kawan-kawan sume kita akan macam zaman dulu kita ada lepak-lepak tepi tembok..dan saya tak reti main muzik saya tak reti nak main gitar dan kawan saya reti main gitar diorang akan main dan saya akan menyanyi...menyanyi gitu je la. Tapi cacamarba la (ketawa) bukan...tapi dah ada. Dah ada minat tu awal-awal dan selepas tu saya join dengan kumpulan '*May*' dengan Yus, Abu dengan Man. So [Jadi] mereka ni dah *form* [Tubuhkan] dulu dan selepas -- lepas tu yang -- pasal kita dah kenal, saya dah kenal diorang zaman-zaman lepak, Walaupun ada bukanlah kita lepak selalu sebab saya ada kawan-kawan lain yang zaman..kita panggil zaman lepak la. Tapi...macam Yus saya rapat dengan dia...sebelum '*May*' lagi bukanlah rapat kita dah kenal, kita dah sekali melepak-lepak dan dia yang panggil untuk nak saya join gak sebab dia dengan Abu *form* [Tubuhkan] band dengan..dengan Man dia kata. Kita dah *form* [Tubuhkan] band nak panggil saya untuk jadi penyanyi dan kita *try-try* [Cuba] kat – masa tu kita ada selalu *practice* [Berlatih] di studio 'SYJ'. Pak Syed la dia punya *manager* [Pengurus] nama so [Jadi] dekat dalam kampung Manja tu juga. Jadi bila kita *try-try* [Cuba] kita *try-try* [Cuba] dua tiga lagu yang kita saya tahu lagu tu dan diorang pun main dan terus saya dapat *form* [Tubuhkan] dengan dia. Yang jadi bernasib baik bukan bernasib baik jugalah kira bernasib baik juga sebab apabila kitorang *practice* [Berlatih] kita *practice* [Berlatih] tak lama mana, bila kita *practice* [Berlatih] kita ada cukup lagu mungkin tak sampai pun dua puluh [20] lagu

dalam limas belas [15] je kalau kita *practice* [Berlatih] kita jam-jam ada dalam berbelas lagu tapi adalah lebih kurang dalam tujuh [7] - lapan [8] lagu yang kita *practice* [Berlatih] okaylah. Jadi *manager* [Pengurus] ‘SYJ’ tu Pak Syed. Arwah Pak Syed. Dia cakap apa kata sebab masa tu zaman waktu tu adalah *battle* [Pertempuran] reband dia panggil ada lima [5] band sepatutnya ‘SYJ’nya dengan ‘Bloodshed’ dengan sape lagi ‘Left Handed’ so [Jadi] dorang dah ada konsert. Jadi ‘SYJ’ ni pula dia selalu macam ada *show-show* [Rancangan] yang *funfair* [Pesta ria] zaman tu dorang selalu pergi *show-show* [Rancangan] sendiri. Dan dia saya terus ajak kitorang untuk jadi band *opening* [Pembuka] band la untuk ‘SYJ’. So [Jadi] jadi bila dorang ada *show* [Rancangan] mana-mana di Kedah banyak kan dulu kitorang selalu gi Kedah dan juga Pahang. Kita jadi *opening* [Pembuka] band bila dia ada *show* [Rancangan] je kita akan pergi, kita jadi *opening* [Pembuka] band kita akan main dalam empat [4] - lima [5] lagu dan lepas tu ‘SYJ’ main dan proses tu berlalu lama, lama tak lamalah dalam hampir setahun jugalah proses tu. Dan selepas tu yang kita ada *offer* [Tawaran] untuk masuk juara-juara rock kitorang mewakili negeri Perak. Mewakili negeri Perak untuk juara-juara rock yang...masa tu buat di ‘Hollywood East’, Jalan Ampang. Ada banyak lagilah band lain daripada Johor ada ‘Fabien’ masa tu yang kita kitorang menang tu, kitorang menang dalam juara-juara rock tahun 1986. Yalah 1986. Penghujung dia penghujung kitorang *start* [Mula] pada awal-awal tahun 1986 tu kitorang dah *start* [Mula]. Dalam proses setahun tu la kitorang...yang ikut ‘SYJ’ apa semua dan hujung 1986..kitorang menang juara-juara rock pastu kita ada *sign* [Tandatangan] dengan ‘Warnada’ untuk album juara-juara rock so [Jadi] ada berapa band ye ada (E.M bertanyakan isteri). Ada 5 band, ada lima [5] band so [Jadi] setiap satu band akan rekod dua [2] lagu, dua [2] lagu untuk album juara-juara rock satu. Kita ada juara-juara rock tiga, tiga ke dua? Saya pun hampir-hampir banyak perkara jugalah lupa walaupun mende tu ingat tapi secara...spesifik tu kadang ada juga lupa. So proses awal dia begitu la berlalu dia.

- A.H** : **Okay, baiklah. Terima kasih ya Encik Mus. Okay soalan seterusnya, apakah lagu pertama yang dihasilkan oleh Encik Mus?**

- E.M** Lagu pertama? Dihasil di mana? Dalam rakaman ke atau...

A.H : **Dalam rakaman.**

E.M : Rakaman sebenarnya kita mula dengan album *Juara-Juara Rock Satu* tu. Sebenarnya kitorang takde pengalaman sangat dalam rakaman ataupun dalam menghasilkan lagu. Jadi untuk album juara rock satu kita membuat lagu (E.M bertanyakan isteri). Tapi sebenarnya untuk album juara rock satu sebenarnya kita *fail* [Gagal]. Bagi saya kitorang *fail* [Gagal] lah sebab hasil daripada rakaman tu *arrangement music* [Susunan muzik] kalau dari segi *detail* [Perincian] dia kita tak *fail* [Gagal] lah boleh kata gagallah, gagal untuk menghasilkan lagu yang baik, nyanyian saya pun tak bape baik dan ada sedikit *down* [Kecewa] juga sebab masa tu Febian okay lagu diorang, Metalian pun okay, Matelian daripada Kajang lagu diorang yang meletup. So [Jadi] kitorang walaupun juara, first [Pertama] yang *Juara-Juara Rock* tu kitorang punya lagu takde radio nak mainkan (Ketawa). Saya dah lupa pemuzik apa (E.M bertanyakan isteri). Tapi kitorang maknanya ada *initiative* [inisiatif] untuk nak *improve* [perbaiki], so [Jadi] bila ada untuk rakaman *Juara-Juara Rock Kedua* kitorang praktis betul-betul, kitorang *prepare* [Bersedia] untuk lagu yang *Juara-Juara Rock Kedua*. So [Jadi] daripada situ *name* [Nama] kitorang dah, lagu kitorang pun ada main radio. Saya dah lupa dah apa nama lagu tu. So [Jadi] kalau nak check lambat. Untuk *Juara-Juara Rock Kedua* tu kitorang dah okay. *Sketsa*. *Sketsa* tu sebenarnya daripada *Juara-Juara Rock* lagi kitorang dah rakamkan. *Sketsa sebuah cinta*. Selepas tu kita ada lepas album *Juara-Juara Rock Ketiga* ke dan lepas tu kita ada peluang untuk merakamkan album solo ‘*May*’, mana kita rakamkan sepuluh [10] buah lagu untuk satu buah album kita masukkan lagu yang *Sketsa sebuah cinta* daripada *Juara-Juara Rock* tu ke dalam album juga. Tu pasal lagu *Sketsa* tu sampai sekarang pun ‘*May*’ main, saya sendiri pun kadang pergi *show* [Rancangan] kena nyanyi juga lagu tu (Ketawa). Dia punya kadang-kadang *fan* [Peminat] kita, peminat-peminat kita yang tahu lagu tu yang *follow* [Ikut] kitorang daripada zaman kitorang *Juara-Juara Rock* lagi. Diorang kira kalau saya bawa lagu tu diorang berbesar hati dan saya juga berbesar hati lagu tu sebab apa. Yalah, bila kita menghasilkan sesuatu orang menghargai dan kita amat kira *appreciate* [Hargai] lah juga kan.

A.H : **Okay, terima kasih Encik Mus. Soalan seterusnya, ketika menghasilkan lagu**

pertama pernahkah karya encik ditolak atau tidak diterima?

- E.M** : Maksudnya macam mana?
- A.H** : **Masa mula-mula buat lagu tu, pernah tak ditolak ataupun tidak diterima hasil lagu ciptaan Encik Mus sendiri?**
- E.M** : Sebenarnya waktu awal-awal dulu saya tak pernah buat lagu pun macam saya cakap saya tak berapa nak reti sangat main gitar bolehlah gitu-gitu je tapi saya tak pernah menghasilkan lagu cuma bila saya dengan kumpulan ‘May’ kitorang *practise* [Berlatih] kitorang akan macam contoh Abu dia adalah riff gitar dia kat situ dan saya akan cuba ham-ham untuk dapatkan melodi dan kitorang *build up* [Bina] lagu tu masa di studio. Awal-awal dulu kitorang camtu bukannya satu orang buat-buat lagu dan ni lagu dia. Awal-awal dulu kitorang akan masuk studio, okay Abu dia ada riff buat lagu camni dan saya akan hum-hum kat situ untuk dapatkan melodi dan kita akan teruskan bagi lagu tu jadilah, awal-awal dulu kebanyakannya macam tu *so* [Jadi] saya takde saya sendiri tak pernah buat lagu masa tu cuma buat melodi je.
- A.H** : **Baiklah. Soalan seterusnya, bagaimana encik boleh melibatkan diri dalam industri muzik?**
- E.M** : Melibatkan diri? Macam saya cerita tadilah. Awal-awal dulu sebenarnya saya dan rakan-rakan ni kita suka lepak-lepak main gitar. Kawan-kawan saya suka main gitar dan saya pun menyanyi saya tak terfikir pun nak menyanyi tu untuk nak pergi jadi penyanyi, tak. Kita minat ada lagu contoh lagu-lagu daripada ‘Sweet Charity’ kita minat kita punya nyanyi. Nyanyi tepi jalan je. Ada jugalah selepas tu saya sebelum tu sebenarnya selalu jugalah jam-jam dan kita pernah masuk pertandingan saya dulu dengan Rosli ‘Handyblack’. Itu adalah pemain gitar saya yang pertama dan band pertama saya bernama ‘Green Honor’. Tapi daripada jam-jam kitorang selalu macam hujung minggu kitorang akan pergi jam-jam, saya dengan Rosli ‘Handyblack’ masa tu dia pun ni lagi dia masih dengan saya, dia satu kampung. Dengan abang dia kitorang pergi jam-jam. Tapi *period* [Tempoh] untuk saya dengan diorang sekejap sangat selepas tu saya join ‘May’. Selepas tu saya join ‘May’. Tapi masa saya dengan Rosli ‘Handyblack’ ni dulu pun kita juga

pernah masuk pertandingan di Ipoh masa tu. Sebelum saya dengan pertengahan tahun lapan puluh enam (1986) macam tu lah, tapi kalahlah (ketawa) dan takde apa-apa la masa tu kalah habis. Bila kalah habis takde apa-apa (ketawa). Selepas tu bila saya dengan ‘May’ tu yang aktif tu. Masa dengan ‘May’ tu maknanya saya bukanlah orang yang *prepare* [Bersedia] untuk jadi penyanyi dan saya ada dengan band. Saya sebenarnya kira macam nak kata bidan terjun. Kita masih dalam sebenarnya proses nak mengenal muzik. Saya menyanyi pun tak beberapa pandai sangat lagi tapi saya dah *form* [Tubuhkan] band dengan ‘May’ dan kitorang praktis dalam masa singkat sangat tak sampai sebulan pun lagi kitorang dah ikut ‘SYJ’, jadi *opening* [Pembuka] band. So [Jadi] saya mengambil pengalaman di samping saya dah buat kerja. Bukan saya belajar betul-betul dulu *and then* [Dan kemudian] kita jadi tubuhkan band, tak. Sementara saya takde apa-apa lagi, saya tak pandai apa, tak reti apa sangat lagi dan saya dah pergi *show* [Rancangan]. Saya dah kena *entertain* [Hiburkan] orang dah. Waktu tu kita kena belajar (Ketawa). Belajar masa kita buat kerja. Jadi akan berlaku banyak kesilapan lah. Akan berlaku banyak kesilapan pada awal-awal dia tapi kita sempat nak *repair* [Perbaiki]. Saya sentiasa dalam kepala saya dan juga budak-budak saya dengan ‘May’ yang lain kalau kita ada buat apa-apa silap semasa kita persembahan kita akan *repair* [Perbaiki] ke *next* [Seterusnya] persembahan dan kita akan cuba mencari mende atau membuat mende-mende yang kita mampu. Kita jangan buat mende yang diluar kemampuan. Waktu tu kita main muzik yang *simple-simple* [Biasa] tapi mende tu, dalam *simple* [Biasa] kita tak nak orang tengok “Alamak, tak *best* [Seronok] lah”. Kita nak juga *best* [Seronok] tu. Kita nak juga persembahan yang bagus tu. Tapi dalam muzik yang kita rasa ini yang kita mampu buat yang terbaik. So [Jadi] kita *explore* [Meneroka] mende yang kita reti buat awal-awal tu. Kemudian-kemudian tu yang baru kita *explore* [Meneroka] mende-mende yang kira diluar kemampuan, kita cuba buat. Proses selepas itulah kebanyakannya.

- A.H : **Okay, baiklah. Okay soalan seterusnya, adakah kumpulan May pernah terlibat di mana-mana sesi ujibakat?**
- E.M : Ujibakat takde. Macam saya cite tadi, kita ikut kumpulan ‘SYJ’ untuk jadi *opening* [Pembuka] band lepas tu kita masuk pertandingan *Juara-Juara Rock*, kitorang juara

dalam *Juara-Juara Rock* terus kita di *offer* [Ditawarkan] untuk jadi artis rakaman lah. Tahun hujung lapan puluh enam [1986], lapan puluh tujuh [1987] adalah tahun permulaan kitorang jadi kira band artis rakaman lah.

- A.H** : **Okay, baik. Okay untuk seterusnya, bilakah kali terakhir Encik Mus merakamkan album?**
- E.M** : Kali terakhir? Kalau nak ikutkan album lah. Album kali terakhir masa saya dengan ‘*May*’ - - sebab saya pernah - - dengan ‘*May*’ keluar ‘‘*May*’, masuk ‘*Wings*’ keluar ‘*Wings*’, saya masuk ‘*May*’ balik. (E.M bertanyakan isteri). Rakaman untuk sebuah album yang ada sepuluh lagu ataupun lagu - - album penuh. 2011 dengan ‘*May*’ untuk *May 28th Anniversary*. Rakaman tu juga saya buat di sini dengan kumpulan ‘*May*’. Dan selepas-selepas tu kita banyak buat yang kira single sebab zaman sekarang takde lagi album yang kalau zaman dulu kalau nak buat album kena ada sepuluh lagu. Tiap kali rakaman kita kena bersedia dengan proses rakaman sepuluh buah lagu. Kadang-kadang makan masa tiga bulan. Kadang-kadang ada yang sampai setahun pun ada. Ada juga setengah proses rakaman setahun. Maknanya kita sikit-sikit sampai setahun. Kalau kita teruskan, ada juga yang - - pernah juga ada band yang lain acuh yang lain dalam masa sebulan itu bergantung pada *producer* [Penerbit]. *Producer* [Penerbit] yang handle [Mengendalikan] kan rakaman tu dia ada format yang boleh buat mende tu dalam masa yang singkat.
- A.H** : **Baiklah. Untuk seterusnya, menurut dari internet pada tahun 1992, encik telah mengambil keputusan untuk meninggalkan kumpulan ‘*May*’. Boleh kami tahu sebab apa Encik untuk mengambil keputusan tersebut?**
- E.M** : (Ketawa) tahun sembilan puluh dua [1992]. (E.M bertanyakan isteri). Saya sendiri pun tak ingat. Kalau saya tahun enam puluh lapan [1968], enam puluh lapan [1968]. (E.M bertanyakan isteri). Okay masa tu saya umur dua puluh empat [24]. Umur -- kalau kata bawah pada dua puluh lima [25] ni sebenarnya kalau -- tak tahu lah saya kalau orang lain, untuk saya, untuk pengetahuan saya kebanyakannya orang kalau bawah umur dua puluh lima ni dia -- dalam keadaan buat keputusan yang terlalu drastik. Kita ada satu perkara

yang negatif pada bagi kita dan kita akan ambil keputusan tanpa pikir. Pikir sikit jelah (Ketawa). So [Jadi] itu jugalah yang berlaku ketika saya dengan 'May' dulu. Sebab -- jelah perkara dalaman banyak kat situ kan jadi saya terus ambik keputusan yang kira tanpa perbincangan banyaklah. Ada berbincang juga masa nak keluar tu tapi -- tinggal lagi saya rasa macam susah nak selesai mende ni. Saya terus ambik keputusan keluar pada 'May'. Ada lah sebab-sebab dia kat situ kan. Saya ambik keputusan keluar.

- A.H : Okay, terima kasih Encik Mus. Okay soalan seterusnya, selepas Encik meninggalkan kumpulan 'May', adakah Encik merasakan sedikit kerinduan dengan ahli-ahli kumpulan 'May'?
- E.M : Dia pada awal-awal dia, awal-awal dia saya takdelah rasa apa cuma saya rasa -- memanglah -- pengalaman tu saya tidak ada lagi, saya dengan 'May' tu daripada tahun 1986. Dan tahun 1992 saya ambik keputusan dia akan berasa macam -- ada juga rasa macam serba salah ataupun betulkah keputusan saya ini. Tapi bila saya selepas saya buat keputusan tu saya rasa tak perlu berfikir macam tu. Saya kena pikir apa yang sepatutnya saya kena buat selepas tu. Sebab selepas pada tu saya terus -- saya masa tu pun baik dengan Black, Black drummer 'Wings'. Saya memang baik dengan Black drummer 'Wings'. Saya terus rapat dengan drummer 'Wings' semasa *time* [Masa] tu dengan Bad (E.M bertanyakan isteri), Bad 'Handyblack'. Saya terus baik dengan Black dan saya rapat dengan Bad. Kitorang nak *form* [Tubuhkan] band tapi kita ada *sign* [Tandatangan] masa tu adalah berlaku dari segi *production* [Pengeluaran] sebab saya sebenarnya waktu tu saya dah macam dah terbabit dengan individu yang melibat membuat *production house* [Pengeluaran rumah] jadi saya dengan Bad dengan Black kita *form* [Tubuhkan] sebagai *musician* [Ahli muzik] dalam -- *production house* [Pengeluaran rumah] tu. Sebenarnya kita nak merakamkan album di Indonesia sebab kita *sign* [Tandatangan] dengan 'Warnada' juga masa tu. Kita nak merakamkan album di Indonesia. Jadi macam kitorang tiga orang ni kekurangan sorang untuk main gitar. Jadi saya dengan Black berbincang siapa yang sesuai untuk jadi pemain gitar sebab kita nak rekod dekat Indonesia ni. So [Jadi] di luar pada kita punya -- di luar pada daripada yalah, kalau di Kuala Lumpur kita mungkin ada ramai rakan kita nak cari *musician* [Ahli muzik] ataupun pemain gitar yang

senang kita nak buat kerja. Siapa yang kita nak cari yang senang kita nak buat kerja kat Indonesia, tak perlu kita cari pemain gitar Indonesia masa tu kan. Jadi kitorang ambik keputusan kitorang nak cari, kitorang ambik Nan sebagai pemain gitar. Nan masa tu adalah pemain gitar untuk ‘*Gong*’, Dato M.Nasir punya band tapi dia juga adalah pemain gitar undangan ataupun *sessionist* [Ahli sesi] untuk mana-mana rakaman ada juga rakaman ‘*May*’ masa tu pernah juga panggil Nan untuk masuk gitar sikit-sikit, elemen sikit-sikit tapi memang pemain gitar yang dia bagus jadi kita ambik keputusan untuk ambik Nan dan kita *form* [Tubuhkan] nama band ‘*Strangers*’ untuk membuat rakaman di Jakarta. Sebulan kitorang dok Jakarta buat rakaman untuk album ‘*Strangers*’. Tapi selepas kita buat rakaman tu kita selesaikan -- sebenarnya kita macam berhutang juga dengan orang -- kitorang ada *sign* [Tandatangan] dan kita kena buat juga album. Saya, Black dengan Bad kitorang ada *sign* [Tandatangan] dengan orang hadap, kita kena hasilkan sebuah album dan kitorang panggil Nan *support* [Sokong] kitorang jadikan album ‘*Strangers*’, berjaya dan kita harap balik ke Kuala Lumpur selepas rakaman tu kita boleh teruskan dengan nama band ‘*Strangers*’ ni tapi nampaknya hajat tu tak kesampaian. Nan dia teruskan dia sebagai pemain gitar ‘*Gong*’ untuk Dato M.Nasir dan kitorang pun masa tu nampak macam “Oh *Strangers* ni tak boleh nak bawa gi ke mana-manalah”. Dan kita hanya berhasil untuk hasilkan sebuah album sahaja, ‘*Strangers*’, tahun 1992. Selepas pada tu yang saya baik dengan Black, Black pula masuk ‘*Wings*’. (E.M bertanyakan isteri). Selepas pada -- masa dalam *in between* [Di antara] sebelum saya masuk dengan ‘*Wings*’ tu, saya dengan Black memang baik. So [Jadi] kita ada macam *production* [Pengeluaran]. Kita ada *in house production* [Pengeluaran dalam rumah], *in house musician* [Ahli muzik] lah untuk satu *production house* [Pengeluaran rumah] tapi pun tak berjaya mana sangat dan selepas tu ‘*Wings*’ panggil balik Black untuk masuk ‘*Wings*’ dan saya pun Black panggil masuk ‘*Wings*’ sekali sebab masa tu Dato’ Awie takde bersama dengan ‘*Wings*’.

- A.H : **Okay, baiklah terima kasih Encik Mus. Soalan seterusnya, selepas Encik menyertai kumpulan ‘*Wings*’, adakah ia memberi perubahan yang besar kepada Encik?**
- E.M : Terlalu banyak besar (Ketawa). Terlalu banyak perkara yang saya *pick up* [Angkat] masa

saya dengan ‘Wings’ sebab masa saya dengan ‘May’ dulu cara kerja kitorang berbeza. Ada cara ‘May’ dan selepas saya keluar saya macam terumbang ambing sikit tapi bila saya masuk ‘Wings’ dengan Black dengan masa tu Joe. Sistem bekerja walaupun praktis ke, walaupun masa dalam *recording* [rakaman] ke amat berbeza dan saya dapat pengalaman baru kat situ, masa dengan ‘Wings’. Dan umur saya pun masa tu, kira dengan ‘Wings’ pun dalam berapa ya? Dua puluh lebih juga. So [Jadi] waktu tu saya memang tengah macam nak *pick up* [Angkat] apa yang sepatutnya saya kena ada sebagai seorang penyanyi, apa yang saya perlu ada. Lepas tu saya tau nama ‘Wings’ besar masa tu jadi saya duduk dalam satu mende yang “Uish, ni besar”. Jadi saya tak boleh sia-siakan perkara ni, saya tak boleh gagal lah. Tak boleh gagal masa dengan ‘Wings’. Jadi kitorang empat orang masa tu ‘Wings’ ada Black, Joe, Eddy dan saya. Kitorang nak hasilkan sebuah lagu untuk album pertama pun kitorang punya praktis, hari-hari, hari-hari praktis. Tak *missed* [Terlepas] satu hari pun untuk masa dalam bape bulan, dua bulan, tiga bulan. Hari-hari kita praktis sebab ‘Wings’ pun macam bila dia takde seorang penyanyi, diorang sebelum tu dah ada *direction* [Arah] tapi bila dia takde penyanyi, dia pun macam terumbang-ambing. Black pun takde, kira Black masuk balik diorang ada semangat, macam Joe dan Eddy diorang bersemangat. Dan saya sendiri pula masuk dengan nama band yang besar juga. ‘Wings’ besar juga masa tu walaupun saya pun sebelum tu dengan ‘May’. ‘Wings’ pun besar jadi saya kena tukar apa yang saya buat dengan ‘May’ untuk dalam ‘Wings’ saya rasa saya kena tukar. *At least sixty percent, seventy percent* [Sekurang-kurangnya enam puluh peratus, tujuh puluh peratus] saya tak boleh bawa ‘May’ punya cara di dalam ‘Wings’. Itu yang apa pada diri sayalah. Tapi macam diorang yang lain *support* [Sokong] saya, diorang tau apa yang saya boleh buat, apa yang saya tak boleh buat. Tapi saya rasa saya kena beri perbezaan tu ketara supaya saya tak bawa macam cara saya bawa dalam ‘May’ dalam ‘Wings’. Sebab ‘Wings’ muzik dia berbeza, dia *hard rock* [Rock keras] macam ‘May’ dia banyak main *heavy* [Berat] muzik dia *straightforward* [Terus terang] macam tu kan. Kalau ‘Wings’ dia berbeza. *Then* [Kemudian] saya nak menggantikan Dato’ Awie tu adalah satu perkara yang amat kira susah jugalah. Bukan semua boleh *handle* [Mengendalikan] sebab sebelum tu pun diorang pernah gantikan dengan Mel dan diorang pernah juga *audition* [Ujibakat] band-

band yang -- penyanyi-penyanyi yang lain. Bukan penyanyi tak bagus macam Mel, bukan dia tak bagus tapi nak menepati ‘Wings’ situ. Nak duduk sebagai penyanyi ‘Wings’ situ kena ada karakter yang sesuai dengan ‘Wings’ jadi apa yang saya bawa tu saya kena *blend* [Campur]. Saya kena *blend* [Campur] dengan apa yang saya perlu buat, saya tak boleh buat jadi Dato’ Awie. Saya kena buat apa yang saya punya tapi ianya mengisi sesuatu yang *blend* [Campur] dengan ‘Wings’ punya *direction* [Arah]. Itu sesuatu mende yang susah. Dia bukan terus jadi awal-awal. Saya kena -- kitorang kena praktis banyak. Saya rasa dalam lebih kurang tiga bulan kitorang nak hasilkan album *Biru Mata Hitamku* tu bukan sepuluh lagu, dia banyak lagu sebab dia ada selain daripada album ada *compilation* [Penyusunan] apa semua *so* [Jadi] kita kena buat lagu tu di *prepare* [Bersedia] awal-awal lagi. Saya rasa dengan ‘Wings’ mungkin dalam lima belas, enam belas gitu kitorang ada lagu yang kitorang praktis dalam masa tiga bulan, hari-hari. Untuk hasilkan album *Biru Mata Hitamku*.

- A.H** : **Okay, baiklah. Terima kasih Encik Mus. Okay, soalan seterusnya. Apakah perasaan Encik apabila mengadakan konsert pertama?**
- E.M** : Konsert pertama masa dengan mana? Dengan ‘*May*’ ke?
- A.H** : **Dengan ‘*May*’ ataupun dengan ‘Wings’. ‘*May*’ lah.**
- E.M** : Kalau awal - - dia sebenarnya itu macam saya kata tadi awal-awal dulu saya - - kitorang praktis mungkin dalam masa sebulan kitorang praktis gitu. Masa dengan ‘*May*’ lah awal-awal kitorang praktis. Lepas tu saya dah ikut ‘SYJ’. Kitorang dah ikut ‘SYJ’ sebagai *opening* [Pembuka] band. ‘SYJ’ adalah satu band yang kira waktu tu memang panas. Mana-mana konsert yang diorang pergi memang ramai punya. Dulu zaman dulu kira selain daripada konsert kebanyakannya tiap-tiap minggu aktiviti band ni adalah *funfair* [Pesta ria]. *So* [Jadi] *funfair* [Pesta ria] setiap negeri ada, setiap negeri baik di *area* [Kawasan] Kuala Lumpur pun ada. Di Perak, di Kedah. Banyak *funfair* [Pesta ria] ada. *So* [Jadi] setiap negeri ni kadang-kadang ada empat [4], lima [5] *funfair* [Pesta ria]. Jadi kitorang punya aktiviti tiap-tiap minggu kadang-kadang kena pergi *show* [Rancangan] jumaat, sabtu, ahad. Jumaat, sabtu, ahad akan ada je *show* [Rancangan] *funfair* [Pesta ria]

kadang-kadang daripada Kedah habis, besok sabtu kena pergi Pahang. Malam tu habis *show* [Rancangan] terus gi Pahang besok, besok main kat Pahang lak. Pastu kadang-kadang kita ada *deal* [Perjanjian] dengan -- hari ahad dia kat Johor lak. Habis je kat Pahang ni pergi ke Johor pula. Kadang-kadang masa pergi tu ada dua tiga tempat kita -- dekat-dekatlah. Mana yang jauh-jauh. *So* [Jadi] itu adalah aktiviti yang memang -- ataupun --. Jadi macam saya dengan ‘SYJ’ jadi opening [Pembuka] band, kitorang *start-start* [Permulaan] je kitorang nak naik jadi kira nak main konsert la kira bukan konsertlah macam --. Yelah, selain daripada praktis *start-start* [Permulaan] kitorang nak main *show* [Rancangan] kita dah mengadap tu, *crowd* [Orang ramai] yang ramai tu. Jadi awal-awal lagi kita dah di melalui kira proses yang sepatutnya - - kalau band lain tu nak dapat satu *show* [Rancangan] awal-awal dia pun kena praktis setahun kan. Sampai bila dapat konsert besar ramai kalau kadang-kadang kena pergi rumah orang kahwin dulu. Kitorang pun ada juga kalau ada rumah orang kahwin, kitorang ada band rumah orang kahwin. Tapi ke awal-awal dulu dengan ‘SYJ’ tu proses kitorang persiap sebagai band sikit sangat mungkin dalam lima [5] - enam [6] bulan macam tu kita dah pergi *show* [Rancangan] yang dah ramai orang. Jadi mende tu bukan berlaku sekali dua, tiap-tiap minggu. Setiap minggu kitorang akan ikut kumpulan ‘SYJ’ sebagai *opening* [Pembuka] band untuk lebih kurang dalam masa lima [5] - enam [6] bulan juga sebelum kitorang masuk *Juara-Juara Rock* tahun lapan puluh enam [1986].

- A.H** : **Terima kasih ya Encik Mus. Soalan seterusnya, adakah sukar untuk menghasilkan sebuah lagu yang berkualiti?**
- E.M** : Benda ni bergantung untuk menghasilkan sebuah lagu la. Selalunya bergantung pada kreativiti membuat lagu ataupun orang yang buat lagu tu memang pakar membuat melodi-melodi yang bagus. Dan lagi satu juga sebenarnya kadang-kadang nasib macam saya dulu macam *Sketsa Sebuah Cinta* bukannya kita buat lagu tu -- kita nakkan lagu tu jadi *heat* [Hangat] ke apa kita buat je sebenarnya. Awal-awalnya macam kitorang buat lagu kita buat je. Waktu tu yelah kita -- kalau zaman sekarang ni banyak-banyak bagus sebabnya kita ada banyak gajet-gajet yang membantu kita kadang-kadang boleh rekod kat *phone* [Telefon], zaman saya dulu takde kalau ada pun kaset *player* [Pemain] kita

tekan untuk nak rakam. Kita takde banyak alat yang membantu kita untuk membuat kerja-kerja ,macam ni lah. Yang memerlukan zaman sekarang ni *simple* [Senang] je pakai *phone* [Telefon] pun dah boleh dan banyak lagi kita boleh buat *recording* [Rakaman] yang kira *roughly* [Secara kasarnya] rekod dulu di rumah je. Zaman dulu tak boleh nak rekod untuk *the whole* [Keseluruhan] lagu tu kita terpaksa samaada kita pergi studio rakaman untuk rekod pakai kaset ataupun untuk tunggu masa studio, *limit* [Had], zaman kita dulu *limit* [Had]. Jadi sebenarnya nak menghasilkan sebuah lagu kalau zaman saya awal-awal dulu adalah suatu mende yang -- sebenarnya susah. Nak-nak kalau kita nak menghasilkan sebuah lagu yang bagus. Dengan alat kita yang tak berapa cukup, kadang-kadang kita lagu tu sebenarnya kadang-kadang kita dah buat, kita dengar balik "Alamak, kenapa lah *part* [Bahagian] ni kita buat camni, tak buat camni". Kita banyak *missed* [Terlepas]. Banyak *missed* [Terlepas] mende. Zaman sekarang tak kita boleh buat *reference* [Rujukan] kita boleh kaji balik lagu ni tak okay dan kita boleh *adjust* [Melaraskan] balik dan boleh buat *proper* [Proper] semahu yang boleh. Zaman tu banyak bergantung pada kadang-kadang nasib je la (Ketawa). Nasib tiba-tiba kita buat jadi sedap kan orang pun suka, kan nasib. Dan kita *improvise* [Berimprovisasi] balik lagu tu masa kita buat *show* [Rancangan] tu. Banyak lagu yang kitorang buat rakaman, bila kita pergi *show* [Rancangan] kita akan ubah arrangement [Susunan] dia sebab apa, masa kita buat rakaman kita tak sempat nak buat lagu yang *perfect* [Sempurna]. Lagu tu semahu yang kita nak buatlah. Dan bila kita dah rakam kadang-kadang lagu tu dah *released* [Dikeluarkan] dah jual, kita rasa bila nak main *show* [Rancangan] "Alamak, *adjust* [Melaraskan] lah kat sini sikit, *adjust* [Melaraskan] kat sini sikit", baru kita rasa puas. Ada juga lagu yang kita buat rakaman lagu *arrangement* [Susunan] dia sesuai masuk rakaman saja. Sedap didengar masa kita rakam tapi bila kita main show [Rancangan] "Alamak, tak *best* [Seronok] lah. Macam tak *best* [Seronok] je bila kita main dan lagu tu kita tetap akan main walaupun lagu tu *heat* [Hangat] tapi kita tak main pun untuk dibuat di *show* [Rancangan] ke konsert ke. Sebab apa sebab kita kekurangan alat untuk nak buat lagu yang kita rasa inilah lagu yang kita nak buat, macam mana kita buat kat konsert nanti ataupun inilah lagu dia. Kita akan *adjust* [Melaraskan]. Masa tu kekurangan, jadi sebenarnya susah waktu saya tu nak menghasilkan sebuah lagu yang sebenarnya bagus,

sebenarnya susah.

- A.H : **Okay baiklah. Terima kasih Encik Mus. Soalan seterusnya, Ada tak keluarga atau saudara yang mengikuti jejak langkah Encik sebagai seorang penyanyi?**
- E.M : Hingga sekarang saya rasa, anak saudara saya -- saya rasa takde (Ketawa), takde. Takde yang -- ada yang minat, ada yang diorang ada -- saya tahu lah anak saudara saya kadang-kadang diorang ada lah dia menyanyi apa kan tapi kadang-kadang separuh jalan pastu cari mende lain. *So* [Jadi] kalau saya ada anak mungkin saya ajar anak saya. Tapi sebenarnya itu tak menjaminkan lah kadang-kadang walaupun kita bagus -- kita bukanlah bagus -- kita -- contohnya penyanyi tak semestinya anak dia ke ataupun sape-sape yang kalau yang dekat dengan kita jadi penyanyi juga. Tapi kalau kita boleh turunkan kepada sape-sape anak kita ke ataupun orang yang terdekat dengan kita, kita akan rasa okay lah kita ada orang yang boleh sambung kalau kita -- macam kita dah --. Sebenarnya kita takkan boleh buat satu mende tu daripada awal sampai umur kita macam saya, saya sendiri tak boleh nak nyanyi macam mana saya menyanyi umur dua puluh dulu. *So* [Jadi] akan sampai satu masa kita *limit* [Had] dan kalau ada orang boleh sambung, itu yang kita rasa kita pun bangga lah ada yang boleh sambung. Tapi sekarang takde (Ketawa).
- A.H : **Okay, untuk soalan seterusnya. Di antara bidang nyanyian dan lakonan, yang mana satukah yang lebih menarik minat Encik Mus?**
- E.M : (Ketawa). Berlakon pun saya rasa bukan kriteria -- bukan saya tak minat kadang-kadang berangan tu nak juga jadi pelakon. Tapi saya rasa -- dia serupa macam menyanyi. Kalau nak berlakon pun kita kena fokus, kita kena ada *step* [Langkah] dari awal, bukan kita terus berlakon. Tinggal lagi saya masa hari tu, saya dengan Dato' Mamat Khalid, Arwah Mamat Khalid, saya baik dengan dia *so* [Jadi] dia panggil saya untuk berlakon, saya cakap saya tak reti berlakon. Sebagai seorang pengarah, dia tau macam mana nak buat kalau orang tu tak reti, macam mana dia nak -- *so* [Jadi] dia tahu macam mana nak letakkan watak untuk saya, dialog and macam mana yang sesuai untuk saya. Dan mende tu sebenarnya -- kerja saya atau peranan saya sebanyak mana dalam filem *Hantu Kak Limah* tu tak banyak tapi *impact* [Impak] dia tu. *Impact* [Impak] dia tu mungkin lah sebab

saya cuba menjiwai, cuba meletakkan diri saya kalau saya berlakon apa saya perlu buat, kalau saya diberi tugas yang macam ni. Maknanya kita dapat dialog, apa yang kita perlu buat dan macam Mamat Khalid dia akan bagitau macam ni, konon-konon buat macam ni dan kita -- saya cuba menyelami lah. Macam saya cakap tadi awal-awal, saya kalau buat satu mende saya mesti buat bersungguh-sungguh. Kalau saya rasa tak boleh buat mende ni, saya tak boleh buat mende ni saya akan -- tak mau buat. Tapi kalau saya rasa saya nak buat juga mende tu saya akan cuba buat sebaik mungkin. So [Jadi] untuk filem *Hantu Kak Limah* tu saya cuba, saya cuba menjadikan -- saya pelakon apa perlu saya buat, saya cubalah walaupun susah. Sebenarnya waktu saya berlakon cite tu pun saya baru lepas sakit, pada tahun 2019, 2018 camtu selepas sakit. Sakit saya tu melibatkan memori. Saya memori *lost* [Hilang] banyak sebenarnya lepas saya sakit hari tu. So [Jadi] bila bagi dialog kat saya, saya akan hafal, bila letak dialog kat belakang saya dah lupa perkataan macam mana (ketawa). Itu memang *problem* [Masalah]. Sebenarnya saya nak berlakon tu *problem* [Masalah] sikit. Saya dah jalan jauh-jauh daripada bukit kat atas turun ke bawah dan saya kena dialog. Sampai bawah tu saya dialog, lain. Bukan dialog yang tertulis dalam skrip (ketawa). So [Jadi] memang *problem* [Masalah] sikit tapi saya cuba juga dan okaylah hasil dia bagi saya okay lah. Mungkin kalau orang tengok "Okay lah, dia bukan pelakon pun". Tapi saya cuba juga berlakon dan dia menjadi untuk keseluruhan cite tu watak yang saya bawa tu jadi satu watak yang orang boleh ingat. Dan banyaklah selepas cite tu keluar dan *impact* [Impak] dia okaylah. Tinggal lagi - - saya takde lah nak menanam minat sampai "Lepas ni aku nak berlakon lagilah", takde lagi lah. Berangan tu ada lah tapi takde lah tapi takde berusaha cari orang "Panggil lah aku berlakon lagi". Saya rasa tu bukan bidang sayalah (ketawa). Setiap kerja atau setiap mende yang kita nak buat sebenarnya dia tak boleh buat senang-senang. Mende tu susah, jadi biar saya susah menyanyi takpe. Sebab mende ni saya dah harung bertahun-tahun, saya tahu lah macam mana. Untuk berlakon ni saya rasa -- tengoklah kalau ada *offer* [Tawaran] lagi ke inshaallah saya akan cuba kalau boleh (ketawa).

- A.H : **Baiklah, okay terima kasih ya Encik Mus. Untuk soalan seterusnya saya akan serahkan kepada rakan sekumpulan saya, Siti Hezel Sophia. Okay, Hezel.**

- H.S** : Okay soalan seterusnya. Apakah cabaran Encik Mus yang besar di dalam penglibatan industri muzik?
- E.M** : Sebenarnya banyak perkara yang saya lakukan dalam industri muzik ini. Dalam karier saya dah banyak saya lakukan. Awal-awal dulu banyak benda yang *fail* [gagal] tapi yang bagus dia kalau kita ada benda yang-gagal tu sebab apa? Kalau gagal ada satu benda saya buat yang mesti nak *cover* [tutup] balik gagal itu. Saya mesti nak *improve* [tambah baik] kan lagi sebab saya punya sifat macam tu. Contohnya, apa yang berlaku saya dengan ‘*May*’ dulu untuk lagu ‘*Sendiri*’ memang gagal dalam hidup. Bila saya gagal Juara-Juara Lagu. Kita orang gagal sebab kita tak *prepare* [bersedia] sebab masa itu ada *show* [pertunjukkan] yang banyak, kita orang tak bersedia pun untuk juara lagu itu. Lagu tu tinggi sebenarnya, jadi untuk lagu ‘*Sendiri*’ sebelum hari tu kita orang ada pertunjukkan, jadi suara saya memang--time tu kalau pertunjukkan jumaat sabtu ahad, hari isnin kalau balik, suara saya memang rabak. Jadi apa yang berlaku adalah kita orang tak bersedia. Sebelum hari *Juara Lagu* tu pun kita orang ada pertunjukkan juga dan sampai hari itu kita orang gagal. Saya tak boleh menyanyi kalau yang mana boleh tengok YouTube dulu saya kalau boleh tak nak tengok pun tak nak bagitahu orang pun saya ada dalam *Juara Lagu* tu. Saya punya rasa macam *frust* [kecewa] kan..tapi apa yang berlaku saya rasa macam “eh.. Saya kena perbaiki balik”. Nak baiki ni walaupun saya banyak pertunjukkan di luar, pertunjukkan yang tiada *shoot* [suntingan] yang tiada mainan TV, yang okey pun saya tak boleh nak tutup. Saya rasa tak puas hati juga. Saya mesti mengambil satu program TV yang saya boleh baiki balik, yang saya boleh buat sesuatu yang terbaik untuk tutup balik yang saya gagal sebelum tu. Apa yang berlaku adalah banyak juga program TV yang saya ambil tapi tak dapat nak perbaiki, tapi untuk *AIM* [Anugerah Industri Muzik] 2004 rasanya, sebab Dato’ Ram ambil *Wings*, *Lefthanded* dan ‘*May*’ untuk kita orang punya *performance*[pertunjukkan] tu untuk kita orang macam ada buat *medley*[pesta lagu] la. So, lagu ‘*Wings*’ sikit lagu ‘*May*’ sikit dan lagu *Lefthanded* sedikit. Selepas tiga lagu kumpulan ni kira akan ada tiga--akan dimainkan juga untuk lagu ‘*Srikandi*’. So [jadi], pertunjukkan untuk yang itu kita orang berjaya buat sebaik mungkin dan saya dah buat satu *arrangement* [susunan] yang diberi oleh Tok Ram untuk *transfer* [pemindahan] kalau yang dalam muzik maksudnya satu part yang akan ditukar *key*[nada].

Kalau orang-orang muzik dia akan fahamlah. Bila ditukar nada tu, saya kena tarik panjang untuk lagu ‘*Srikandi Cintaku*’. So [Jadi], *impact* [kesan] dia besar sangat hingga sekarang pun orang masih ingat lagi benda tu. Sebenarnya itu yang saya jaga. Waktu tu, saya cuba inilah tempatnya kalau buat baik, saya boleh tutup balik kelemahan-kelemahan atau kesilapan yang sebelum-sebelum itu dan berhasil. Dan tu menjadi satu momen yang saya rasa bolehkan saya bertahan yang membolehkan saya sampai sekarang pun *still*[masih] lagi *perform*[mempersesembahkan] dan ada orang nak tengok lagi suruh saya buat benda yang sama. Walaupun saya rasa tak sepatutnya saya buat walaupun bagus. Untuk *next* [seterusnya], saya tak nak buat benda yang sama.saya punya prinsip macam tu. Saya dah buat satu benda yang bagus untuk seterusnya, saya tak nak buat benda yang sama saya boleh ubah saya buat benda lain juga. Tapi tak boleh buat apa juga kadang-kadang saya masih kena nyanyi lagu ‘*Srikandi Cintaku*’ dengan susunan saya pemindahan itu juga. (Nyanyi korus Srikandi Cintaku). Benda tu sebenarnya masih saya buat tak susah mana pun tinggal lagi bila susunan itu bertukar susunan lain, untuk *moment*[detik] waktu tu maknanya benda tu tak berlaku lagi dan bila benda tu berlaku dia orang jadi *surprise*[kejutan] orang rasa macam terkejut dan teruja macamlah hebatnya padahal tak mana pun. Tapi saya berjaya buat satu benda tu bersama Awie dan yang lain-lain yang dimana kesan dia besar. Jadi ia adalah satu bahan yang *value* [bernilai] lah. Saya rasa Alhamdulillah lah saya dapat buat untuk industri.

- H.S : Bolehkah Encik Mus menyanyikan sedikit lagu Srikandi cintaku?**
- E.M : (Ketawa)(menyanyi) Sebenarnya lagu itu adalah dari kumpulan ‘BloodShed’ dan penyanyi dia adalah Rosdan. Tapi sekarang ni kalau saya pergi pertunjukan pun saya kena nyanyi juga lagu tu sampailah sekarang ni. Kalau pergi mana-mana saya rasa “alamak tak patut saya nyanyi lagu ni” sebab lagu ni adalah dari kumpulan Bloodshed. Tapi kadang-kadang kita tak nak menghamparkan orang jadi saya nyanyikan juga lagu sehingga saya dah hafal lagu tu.**
- H.S : Apakah petua atau rahsia Encik Mus untuk terus kekal dalam bidang industri muzik ini?**
- E.M : Dia setiap orang, lain- lain lah. Bagi saya sebenarnya, satu. Kalau kita nak buat apa-apa**

kena ada prinsip. .Prinsip ni ada banyak, sesetengah orang lain dari yang lain. Macam saya tadi cakap macam tu lah. Macam saya, kalau kita hendak buat sesuatu tu, buat yang terbaik. Buat yang terbaik. Kalau kita rasa kita mahu buat yang terbaik, buat yang lah terbaik dan kalau boleh jangan di lengah-lengahkan ataupun macam “tak apalah esok lah”. Itu, itu prinsip yang saya rasa untuk saya, saya tak nak terapkan lah. Tak apalah yang itu...”Eh bolehlah yang ini”. Itu antara benda yang saya cuba mengurangkan walaupun sekarang saya ada juga perangai macam tu lah. Kita jangan melengahkan sesuatu perkara tentang apa yang kita nak buat. Bagi saya, kalau kita nak buat apa kita jangan lengahkan dan bila kita nak buat, fokus. Lepas tu kita kena tahu benda yang kita nak buat tu--Kita mampu buat atau tak mampu buat. Ada satu lagi prinsip, kalau kita tak mampu buat lebih baik jangan buat. Kita buat yang sebaik mungkin yang kita mampu buat. Boleh juga kadang benda itu kita tidak mampu tapi kita cuba juga buat. Tapi kadang-kadang, hasil dia itu tidak mencapai *peak* [puncak] dia tu kan? Jadi kalau ada cara dia, jadi kita kena cari macam mana? Bagi saya kalau nak buat sesuatu benda, kita buat sungguh-sungguh. Jangan buat ala-ala kadar sebab benda tu sebenarnya *wasting* [membazir], membazir kadang-kadang. Ada satu orang, contoh dia dia nak buat sesuatu benda tu contoh dia nak bertukang kan dia tak *terror*[hebat] tapi dia nak buat juga dia buat pun lebih kurang “bolehlah tu boleh lah” dan hasil itu sebenarnya tak okey. Baik kita cuba buat sesuatu itu dengan sungguh-sungguh supaya hasil dia menjadi. Yang penting dia, hasil itu menjadi. Had mana itu, kemampuan diri.

- H.S** : **Baiklah, terima kasih Encik Mus, soalan seterusnya ialah, pernahkan sesiapa meminta Encik Mus untuk menjadikan sebagai Mentor dalam bidang nyanyian?**
- E.M** : Mentor? (ketawa) sebenarnya ramai, Saya daripada saya buat kerja saya, saya ada juga pernah merakamkan *band-band*[kumpulan] yang di bawah bangunan lain. Ramai- Ada banyak kumpulan- Saya dah lupa jugak lah. Siapa lagi? Eh- Ramailah (Ketawa). Kalau nak ikutkan ramai jugak lah. Tapi saya meletakkan.. Tak nak meletakkan diri saya terlalu jauh ataupun terlalu--banyak perkara, banyak benda yang saya tahu saya letak pada diri saya. Kecuali orang yang budak-budak baru ni yang jumpa saya bertanya atau nak buat kerja sekali dia automatik, automatik saya keluar apa yang, yang saya ada. .Kadang-

kadang benda itu sesuai, kadang pun tak sesuai. Ada juga yang bila tidak sesuai dan saya rasa “eh..tak boleh ni”. So saya tak ada meletakkan diri saya sebagai satu orang yang nak jadi macam *Master* [tuan] ke Sifu. Saya tak letak itu, walaupun ramai juga yang datang “sifu lah apa lah kan”? Saya tengoklah-mana yang saya rasa-saya patut saya buat lah. Yang saya rasa tak patut, jangan. Tapi saya cuba juga sebelum ini nak jadi macam mentor nak jadi macam ni lah sifu la konon tapi saya rasa ada kadang-kadang tak sesuai. Kadang-kadang dia orang lagi bagus daripada saya. Jadi, kadang disitu saya juga belajar-cara dia, saya tak bertanya pada dia, saya bekerja dengan dia dan saya dapat. Dia juga akan dapat ilmu daripada saya. Jadi, saya lebih suka cara yang bekerjasama. Saya tak ada buat macam “saya dah tahu benda ni saya nak jadi Sifu”. *So far* [setakat ini], benda tu berlaku tapi saya tak nak letak diri saya macam tu. Saya lebih suka bekerjasama walau budak baru pun kan yang datang, saya nak bekerjasama dengan dia sebab ada benda yang saya akan belajar daripada dia. Walaupun dia nak belajar saya, tapi bila kita dah berkerjasama, “eh ada benda yang okey” kita buat dan kita bekerjasama.

H.S : Soalan seterusnya, apakah pendapat Encik Mus tentang industri muzik di Malaysia pada era zaman sekarang. Adakah lebih baik ataupun semakin jauh mundur daripada zaman dahulu?

E.M : Perbezaan memang ada. Setiap masa kalau-kalau kita islam kan, antara setiap sepuluh [10] tahun setiap sepuluh [10] tahun, dia ada perbezaan kat situ. Muzik itu sendiri dan juga cara menghasilkan muzik ataupun individu yang terlibat dalam muzik. Jadi, benda tu adalah bergantung paada keadaan semasa. Kita tidak boleh samakan apa yang berlaku untuk hari ini punya *scene* [tempat kejadian] dengan apa yang berlaku sebelum ini. Kita tak boleh nak membeza-beza. Dia berbeza tapi kita tak boleh nak macam “eh..kita tak boleh macam ni kita kena ada benda macam dulu”, dia tak boleh kita bagi ke orang zaman sekarang ni punya. Ini bukan semua perkara lah. Tapi kebanyakan perkara nya adalah bila dia dah lalu tempat kejadian yang sekarang ni, dia tidak akan boleh sama macam apa yang dilalui masa tempat kejadian saya tahun 1980-1986. Tak akan boleh sama, dia ada beza. Berbeza dia banyak dari segi dari tek-bukan teknikal lagi. Dari segi apa itu, zaman sekarang dah ada digital. Zaman saya dulu banyak analog. Itu pun dah berbeza

dan itu cuma ada beberapa perkara yang yang perlu sama adalah, macam yang melibatkan tentang *attitude* [perangai]. Apa yang kita nak buat, yang kita kena rajin.nak kena hormat *somebody* [seseorang] dalam ni. Jadi, ada benda-benda itu yang kita kena sama. Pelajari daripada orang -orang lama. Tapi kalau dari segi muzik, saya rasa kalau dia orang sekarang ni dia, dia perlu *advance* [maju]. Bukan maju, sepatutnya dia perlu sesuatu yang terkini. Sesuatu yang berbeza. Kalau dia buat benda yang sama juga, mungkin ada benda yang boleh sama. Tapi saya rasa untuk *Musician* [pemuzik] zaman sekarang ini atau penyanyi zaman sekarang ini dia perlu *explore* [mengembara] lebih lagi daripada apa yang dah kita lalui. Contohnya, kalau macam saya sekarang ni, kalau umur saya 80an saya balik ke umur saya zaman umur dua puluh lima [25] dulu, saya tak akan menyanyi apa yang saya nyanyi dahulu. Saya akan menyanyi *style* [gaya] sekarang. Tapi pasal sekarang saya dah start *time* [masa] dulu, cara macam ini, saya tak perlu buat banyak perkara. Ada beberapa perkara tertentu sahaja yang saya boleh *keep improve* [terus perbaiki]. Sebab takkanlah saya nak menyanyi macam dulu-dulu juga kan? Tapi apa yang saya bawa daripada saya umur dua puluh [20] tu sehingga sekarang, ianya ada benda yang berharga, benda yang perlu dijaga, benda yang perlu dikekalkan untuk diri saya dan ada benda yang saya perlu *twist* [putar belit] sedikit supaya sesuai dengan keadaan. Aaa–benda ni perlu bergantung kepada perkara-perkara yang macam tu kia tak boleh *fixed* [tetap] dengan setiap satu-satu [1] perkara. Nak-nak kalau kita nak membezakan benda dulu antara sekarang, dah tentu ada beza cuma, benda yang perlu jadi bagus, dikekalkan adalah *attitude*[perangai], disiplin dalam muzik apa benda yang perlu kita tahu, macam zaman saya dulu, terlambat banyak perkara. Macam kita guna analog dia lambat sikit. Kalau digital dia cepat, tekan dah dapat. Macam kalau saya dahulu, nak dapat satu perkara saya perlu pergi ke *town* [bandar] nak kena pergi beli kaset. Nak dengarkan satu lagu tu mungkin dua tiga hari. Zaman sekarang dah tak payah, tekan je. So [jadi], macam macam mana kita *keep improvise*[tetap maju]. Zaman digital sekarang semuanya *fast* [laju] semuanya cepat. Jadi, kena lebih cepat *pick up* [angkat] kalau terlambat orang lain buat dulu. Zaman dulu dia boleh tunggu dulu setahun, dua tahun. Sekarang tak boleh. Sehari je orang dah boleh *explore* [terokai] cepat. Tapi saya tengok penyanyi Zaman sekarang saya tengok yang mana berjaya-berjaya kebanyakan mereka

seperti apa yang saya kata tadi, dia *explore* [terokai], dia dah buat perkara yang kita dah buat tapi cuba *improvise* [menambah baik] cara dia, dia ada *respect* [hormat] dengan orang, macam mana dengan dia nak ada dalam industri ini tetapi dia boleh berkawan dengan musician atau penyanyi lama. Dia ada benda tu, kebanyakannya yang buat benda itu, dia boleh berjaya.

- H.S** : **Soalan seterusnya pendapat Encik Mus, adakah Encik Mus bersetuju bahawa bakat itu lebih penting daripada penampilan dan paras rupa seseorang di dalam bidang muzik dan juga lakonan?**
- E.M** : Benda ni subjektif.. Ada setengah orang, dia berjaya bergantung atau pun disebabkan bakat dia. Disebabkan bakat dia, dia berjaya .Ada juga setengah orang, bakat dia tu dia ada sikit, tapi pasal minat, pasal...mungkin penampilan dia bagus. Ada juga yang berjaya macam tu. Tapi selalunya yang macam ini, yang kedua ni, kebanyakannya dia *instant* [segera] cepat. Sebab apa? Bila bakat ni tak ada, bila dia *sometime* [kadang-kadang] tu dia suka buat benda tu dia buat, dan dengan penampilan yang bagus dan dia berjaya, kebanyakannya dengan cara ni dia naik. Tapi bila dia tak akan *improvise* [menambah baik] lagi, dia tak *explore* [terokai] lagi dia akan habis kat situ sahaja. Orang yang kedua ini dia perlu *explore* [terokai] lagi. Terokai dan dia akan jumpa. Dia akan *automatically* [automatik] yang bakat kurang tadi tu, yang tak ada tu dia jadi ada. Ada juga yang bakat ini, dia berbakat tapi pasal dia tak cukup dari segi benda-benda yang lain, kadang-kadang awalnya dia okey, tetapi selepas itu dia tenggelam sebab apa? Sebab dia tak terokai juga lah. Dia tak terokai, sama je dua ni. Bila dia tak *explore* [terokai] setakat bakat je yang lain-lain dia *terror*[hebat] dia boleh nyanyi, dekat rumah saja. Sebab- sebab lain dia tak boleh pun dia tidak ada penampilan, kadang-kadang bukannya perlu cantik ke, muka lawa pun kan? Penampilan ni sebenarnya, macam saya bukan *handsome* [bergaya] mana pun kan? Kalau ikutkan jahanam juga kan (ketawa). Tapi bukanlah saya rasa saya pandai. Saya cuba, macam mana saya rasa nak letakkan diri saya boleh berada dalam platform. Kita kena ada *minded* [minda] yang “aku kena ada dalam platform itu. Jadi, apa persediaan? “Kalau aku tidak cukup dari segi rupa, apa benda yang lain?”. Selain daripada kita ada bakat. Kalau bakat saja benda ni tak ada. Rasanya kadang-kadang

separuh jalan pun dia akan habis juga. Jadi, saya rasa dua tu sama. Kalau kita di kategori ni, apa yang kita kurang, kita kena terokai, kita kena tambah. Sama juga yang ni, kalau kita kurang yang ini, lebih yang ni, sama saja. Kalau tak ada *explore* [terokai] dia tak ada akan pergi *longlast* [lama] dia akan separuh jalan.

- H.S** : **Okey, siapa artis muda sekarang yang Encik Mus berminat untuk berduet. Ada tak?**
- E.M** : Artis muda-eh, ramai. Siapa eh, nak mengingat nama ni payah ni. Sebenarnya ramai sebenarnya, sebelum-sebelum ni saya dah ada banyak projek dengan kira artis ataupun budak yang baru naik selepas pada saya. Ada yang baru dua tiga tahun, saya dah pernah banyak juga buat yang macam tu, macam ‘Lan Typewriter’. Tapi ‘Lan Typewriter’ sekarang ni dia pun dah jadi macam (ketawa) dah jadi macam kira senior juga bagi budak baru. Kalau contoh macam sekarang ni siapa? Naim Daniel antara lah. Lagi satu lagi siapa yang menang--siapa? Yang menang ‘GV’ [Gegar Vaganza] siapa Sue? (Menanyakan isteri) saya terpaksa tanya orang rumah saya. Kadang-kadang saya tak ingat (ketawa) Naqiu. Naqiu sebenarnya bagus. Naqiu dia memang *talented* [berbakat]. Dia juga tahu nak bawa diri dia macam mana. Dia bukan penyanyi Rock tau tapi dengan menyanyi Rock, dia dahsyat tapi dia letak penampilan dia sebagai--dia boleh nak nyanyi Rock tapi dia tak nak, dia nak penampilan macam tu. Dia sebab apa, *talent* [bakat] dia itu, dia boleh Rock boleh nyanyi Pop dia tahu nak letak diri, dia bagus. , diantara yang bagus. Boleh *versatile* [serba boleh] lah. Boleh *versatile* [serba boleh] satu [1], menyanyi kalau dia *versatile* [serba boleh] dia *advantages* [ada kelebihan]. Tidola uhuk
- H.S** : **Okey, soalan seterusnya seperti yang kita lihat pada era baru dalam muzik ni, kita boleh nampak bahawa artis-artis veteran yang terkenal semakin lama, semakin dilupakan. Apakah komen Encik Mus dalam isu ini? Adakah ia tak adil untuk para veteran yang dahulunya mendapat perhatian ramai daripada peminat?**
- E.M** : Artis veteran yang lama lah?
- H.S** : **Ha..ah artis veteran yang semakin dilupakan lah.**

- E.M** : Dia begini, keadaan sekarang ni bila info yang dah terlalu banyak, terlalu senang kita dapat, Kadang-kadang satu [1] benda tu kita boleh ingat hari ini esok kita lupa. So [jadi], saya tidak boleh salahkan juga peminat ke atau atau orang luar yang--ataupun keadaan itu berlaku bila penyanyi ni dah dilupakan ke, sekarang saya tak boleh salahkan juga orang yang melupakannya. Sebab orang tu pun dia ada banyak info yang dia perlu nak terap. Kalau kata salah penyanyi tersebut memang ramai. Jadi, hari ni minat dia ni, esok pagi dia minat yang ini pula. Kekadang kita menghasilkan satu benda. Kalau zaman dulu kita orang boleh bertahan dua [2] tiga [3] tahun satu lagu. Benda tu kita boleh bertahan tiga [3] empat [4] tahun lah tak payah buat apa-apa pun. Zaman sekarang tak, meletup sekarang, sebulan je orang ingat. Bulan depan, masuk bulan kedua orang dah tak ingat lagu tu. Saya tak boleh sebab keadaan itu dah berlaku. Jadi, yang penting dia sebenarnya kita jangan kira orang yang dah minat kita, kita yang kena meminatkan, kita yang membuatkan dia untuk memerlukan orang minat kita tu, kita yang kena kreatif. Saya rasa begitu sebenarnya. Kalau kita tak '*do something* [buat sesuatu] kita buat hari ini, satu [1] benda dan kita duduk diam-diam, esok orang lupa kita diam juga. Jaid, kita kena *keep pumping* [kekal mengepam]. Kena kreatif lah. Jadi, hari ni aku buat apa *and* [dan] kita kena tahu jarak antara kita buat satu [1] benda tu. Bila dia nak habis ke, kita kena *keep counting* [sentiasa kira] dengan apa pulak. Jadi, kena kreatif. Dunia hiburan ini adalah dunia kreatif, dunia kreativiti ya jadi kita kena kreatif kena *create* [cipta], kena sentiasa ada. Kalau kita dah sampai sekarang--kadang-kadang saya pun ada juga. Bukan sentiasa kita nak aktif aja kan. Ada sesetengah nak *relax* [berehat] tapi kita kena *do something* [buat sesuatu]. Itu prinsip jugalah sebenarnya. Itu pasal sekarang ini saya boleh ada lagi dalam industri ni bukan setakat sebab saya handal ke *terror* [hebat] ke tak. Kita kena *keep continue* [teruskan] kena terus membuat sesuatu dan kita kena tuluhlah kita kena tahu apa yang perlu dibuat. Kadang-kadang ada benda yang aktif, ada juga buat macam-macam tapi tak berjaya. Dia macam tu saja kan. Ada yang membuat sikit tapi dia meletup. Jadi, kita kena tahu lah diri kita apa yang kita perlu buat supaya kita nak orang yang minat kita tu dan kita ada je dalam *track* [litar].
- H.S** : **Soalan seterusnya, adakah Encik Mus pernah berasa menyesal kerana memilih kerjaya sebagai penyanyi. Kalau ada, apakah sebabnya?**

- E.M** : (ketawa) apa dia? Yang *last* [terakhir] tu apa?
- H.S** : **Pernah Encik Mus rasa menyesal berkerjaya sebagai penyanyi?**
- E.M** : (ketawa) Menyesal? Kadang- kadang rasa nak jadi *pilot* [juruterbang] pun ada tak nak jadi penyanyi. (ketawa) Tak adalah, tak pernah ada rasa menyesal. Dia sebenarnya kalau kita tersilap dalam satu-satu [1] perkara kita buatlah, dia jadi *something* [sesuatu] ataupun *somebody* [sesorang] yang kita rasa “alamak bukan nak jadi yang ni”. Kita akan berusaha untuk membuat sesuatu yang kita rasa ini dia yang kita nak buat. Bila benda tu dah jadi, baru jalan kita rasa nak buat benda lain pula kan, rasa menyesal. Mungkin akan ada penyesalan itu kalau kita tidak berjaya ataupun kita mengharungi benda-benda yang tak okey lah yang pahit. Kita buat jadi tak okey, dan ada *time* [masa] kita *surrender* [menyerah diri] kita akan buat benda lain lah, tapi kalau kita berada di *track* [litar] ataupun secukupnya bagi diri kita janganlah--saya pun tak nak juga terlalu *best* [terbaik] sangat, terlalu tinggi sangat. Kalau dia ke arah itu saya akan cuba *down* [ke bawah] sikit sebab saya rasa kalau kita terlalu tinggi sangat bila satu benda kita jatuh dia jatuh tinggi sangat (ketawa). Kalau tengah-tengah tu kan dia jatuh dia tak ni sangat. Itu perit kira, yalah pemikiran yang macam tu. Tapi saya rasa kita jangan inilah--kalau kita rasa kita buat tu separuh jalan dan kita rasa tak okey, kita akan terus positif yang itu. Kita akan memikir satu benda yang lain pula yang kita rasa “inilah benda yang aku nak buat pula”. Kena boleh *think* [pikir] yang macam itu. Ada sesetengah orang dia akan *think* [pikir] aku dah terlajak dah. Okey tak okey ke, aku tak tahu apa nak jadi ke aku redah jugalah. *But* [tapi] kalau nak redah, macam saya cakap la prinsip yang asal dia kalau kita nak buat tu betul biar kita pasti yang kita mampu buat begitu dan kita tahu selok belok dia. Jangan main terjah je kan? Kena tahu selok belok je. *Then* [seterusnya] kalau apa-apa berlaku kita tahu kat mana *error* [kesilapan] yang kita nak buat, kita nak *repair* [baiki]. Ada benda yang kita rasa kita perlu ni--kita sempat lah. Kalau kita buat satu [1] benda tu kita tak ada, tak ada *prepare* [persiapan] lah contoh yang cukup ataupun kita tak ada persediaan yang betul bagi diri kita dan bila berlaku sesuatu kita akan *down*[jatuh] teruk sangat. Kita akan *down* [jatuh] teruk sangat. Ataupun kita sebenarnya buat kesilapan tapi dia tak tahu yang kita buat silap. Itu satu perkara yang kadang-kadang pun saya lalui juga tu. Kita

ingat betul, ingat betul yang kita buat ini. Tapi sebenarnya kita membuat kesilapan tetapi kita tak perasan. Jadi, lagi baik kita perasan benda yang kita silap buat supaya kita *repair* [baiki] dan benda tu tak berlanjutan.

H.S : **Apakah perasaan Encik Mus bila mula-mula dapat berlakon dahulu di dalam cerita ‘Hantu Kak Limah balik rumah’?**

E.M : Beginilah saya sebenarnya berbesar hati apabila Allahyarham Dato' Mohd Khalid menjemput saya sebab tak ada satu pengarah lain nak panggil saya berlakon sebab dia orang tahu saya bukan pelakon pun (ketawa). Tapi saya faham Dato' Mohd Khalid, dia ni suka mengambil orang-orang yang tak pernah berlakon ni, berlakon sebab dia nakkan elemen-elemen orang yang tak pernah berlakon ni dia akan jadi satu [1], macam karakter yang kalau dia nak bercerita tu macam *joke* [lawak] dia akan jadi lawak sebab apa? Orang tu jadi melakonkan sesuatu dian akan jadi lawak (ketawa). Benda serius pun menjadi lawak. Saya kira macam terima kasih juga kerana Dato' Mohd Khalid panggil saya berlakon. Tinggal lagi, saya tak adalah terfikir nak terus jadi pelakon. Cuma kalau ada orang *offer* [menawarkan] lepas ni mungkin lah, mungkin saya tengok apa yang sesuai, apa yang saya mampu. Kalau saya rasa diri ini tak mampu ni buat ini, pelakon je yang boleh buat, saya tak akan buat lah sebab saya tak ada rasa macam di dalam dream[impian] saya nak jadi pelakon, tak ada. Kadang-kadang adalah berangan, kita ni berangan je lah. Tapi untuk kearah jadi berlakon itu saya perlu ada persediaan contoh Dato' Awie, bila dia nak berlakon, dia nak start dengan berlakon, dia bagi komitmen dia dah lalui terlalu banyak perkara. Kita tahu dia berlakon sekarang ni macam mana sebenarnya, apa yang berlaku itu sebenarnya berlakon beberapa tahun dulu dengan Dato' Yusof Haslam pun apa semua kan. Jadi, dia ada *preparation* [persediaan] dia, dia ada *homework* [kerja rumah], dia ada benda yang dia buat untuk nak dijadikan berlakon. Dia ada karakter yang untuk jadi berlakon, “aku perlu ada apa?”. Dia kena ada benda tu baru dia jadi. Macam saya pun, kalau rasa saya nak minat berlakon, saya kena perlu buat persediaan diri saya. Saya nak jadi pelakon, saya perlu ada apa. Kalau saya Tak ada benda tu, lebih baik janganlah haa macam tu lah. Kena ada *handsome* [bergaya] punya. Kalau saya jadi pelakon ni jadi hang tukul bolehlah (ketawa). Kalau jadi hang tukul tak nak lah saya nak

jadi penyanyi lah. Senang.

- H.S** **Okey, soalan seterusnya, jika Encik Mus diberi peluang untuk mengarah sebuah filem, adakah Encik Mus berminat untuk mengambil peluang tersebut?**
- E.M** : Jadi pengarah? Berlakon pun tak boleh [ketawa] berlakon pun haram tak boleh ni nak jadi pengarah?[ketawa]
- H.S** : **Kalau macam tu, Encik Mus mempunyai sebarang kenangan manis sepanjang dalam penglibatan bidang pelakonan?**
- E.M** : Dia begini, kalau yang soalan tadi kan. Dalam kita--kadang-kadang dalam angan-angan saya ada juga lah. Kalau saya nak, bukan saya tak boleh buat, saya boleh buat. Kalau saya nak buat, saya kena tahu *step* [langkah] saya untuk nak ke arah itu macam mana. Langkah dia pertama sekali saya kena kenal seorang pengarah berkawan dengannya dan saya kena tahu selok belok untuk jadi pengarah macam mana. Sebab pengarah ni dia ada...dia ada banyak dia punya sistem sebenarnya. Buka. Pengarah ni *the whole thing* [semua benda] dia kena pikir. Kita kena ada satu arah dalam sesuatu keadaan. Saya faham benda tu tinggal lagi saya tak pernah buat. Saya tahu kalau saya nak, saya kena kenal satu [1] orang pengarah, saya kena tahu untuk jadi pengarah, apa kriteria yang saya perlu ada dan apa benda saya perlu buat untuk dijadikan sebuah filem, cara nak mengarah dia. Kena ikut *step*[langkah] dia lah. Kalau benda itu betul langkah dia, saya rasa kalau tiba-tiba saya fikir “aku nak jadi pengarah la” mungkin boleh, syaratnya itu juga, saya kena ada kawan pengarah seorang, saya tahu langkah dia macam mana, saya akan belajar. Langkah tu betul, saya rasa bukan tak boleh, boleh. Sebab saya pernah juga lah bukan direct [mengarah] dengan filem lah. Kalau macam untuk buat video klip tu semua dia lebih kurang je walaupun kerja dia tidak *tight* [ketat] seketar untuk filem atau drama untuk buat video klip pun sama juga dia perlu-- kadang-kadang saya ada juga kenal *director* [pengarah] ni saya bekerjasama dengan dia. Dia nampak la apa saya buat. Saya bekerjasama bila saya buat video klip untuk lagu saya kadang-kadang walaupun ada pengarah tapi saya juga akan *act* [berkelakuan] *as* [sebagai] pengarah bila saya rasa “eh tak boleh buat la buat macam, macam ni” dan saya akan bagitahu ini. Jadi, kerja

pengarahan tu ada dekat situ. Cuma dia beza bidang tu lebih kurang je, beza dia kalau untuk dia macam ni, dia tak seketalat macam yang jadi pengarah filem atau drama. Macam tu lah. Eh, apa soalan yang tadi?

- H.S** : **Encik Mus mempunyai sebarang kenangan manis sepanjang dalam penglibatan bidang pelakonan?**
- E.M** : Saya sebenarnya tak banyak berlakon, ada drama ada nama apa tu, drama apa Sue?(menanyakan isteri) saya lupa drama apa eh? Saya pernah ada juga sebelum itu dengan sebuah filem juga. Saya mungkin dalam 3--hah? Apa dia? (mendengar jawapan isteri) dengan Shuib ya. Saya pernah juga sebelum ini tapi sebenarnya untuk yang lain itu, *production* [produksi] dia tak besar. Jadi, saya macam rasa macam drama je walaupun dia filem dia simple, *preparation* [persediaan] kita simple tapi untuk macam bila dengan Dato' Mohd Khalid tu '*Hantu Kak Limah*' ni, dia produksi besar jadi saya rasa sangat "Wei ini berlakon filem ni" sebab dia punya langkah dia tu dengan dia persediaan memang lengkap. Yang '*Man Sewel Datang KL*' sebelum ni saya pernah juga berlakon. Sikit je *part* [bahagian] tu dia panggil cameo lah untuk macam *guest* [tetamu] saja kan? Walaupun tetamu kita yang bukan berlakon ni rasa macam besar sangat padahalnya tetamu sikit sangat kalau untuk berlakon, "alamak guest" saya tengok sekejap je kan dialog dua [2] tiga [3] dihafal je kan. Macam saya fuh, skrip ada beberapa *line*[baris] je tapi nak menghafal susahnya rasa macam tu kan tapi untuk yang filem '*Hantu Kak Limah*' ni saya rasa ianya beza sebab saya dapat tengok masa bukan bahagian saya yang lain berlakon dengan *lighting*[pencahayaan], dalam hutan semua buat tu dan pengalaman itu berbeza. Baru saya dapat tahu sebenarnya "oh, nak buat filem macam ni" macam mana dia dari satu *angle* [sudut] ke satu *angle* [sudut] nak *shoot* [sunting] tu kan? Kadang-kadang kita tengok slot tu, bahagian tu mungkin dalam masa lima[5] hingga sepuluh[10] saat je, tapi untuk nak sunting tu kadang saya tengok sampai dua[2] tiga[3] jam tak habis-habis lagi untuk satu[1] bahagian dia "oh susah" kat situ. Serupa juga macam rakaman dia ada satu bahagian kadang-kadang orang kita dengar sekali lalu macam senang je kan tapi sebenarnya masa kita nak rekod berjam-jam kita nak rekod bahagian tu. Jadi, format dia sama tapi berbeza lah. Kalau rakaman macam rakaman

untuk audio macam mana, dan filem untuk visual ni macam mana berbeza tapi pengalaman yang baguslah saya dapat untuk filem ‘*Hantu Kak Limah*’ tu walaupun sikit je bahagian dia.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- H.S** : Terima kasih Encik Mus, soalan seterusnya tentang anugerah dan pencapaian. Apakah anugerah yang pernah Encik Mus perolehi sepanjang menceburi bidang nyanyi?
- E.M** : (berfikir) Anugerah antaranya--(mendengar jawapan isteri) Okey, dalam Juara-Juara Rock saya dapat penyanyi terbaik dari awal-awal dululah penyanyi terbaik. Selepas tu, dalam apa ni ‘AIM’ [Anugerah Industri Muzik] (menanyakan isterinya)? Untuk Anugerah Industri Muzik, tiga [3] tahun berturut-turut daripada tahun 2004-2006 itu untuk album-album *Hard Rock* [genre muzik] terbaik. Yelah.. Kadang-kadang benda-benda anugerah ini betul jugalah. Itulah hasil daripada apa yang kita buat. Tapi sebenarnya masa saya dengan ‘*May*’ dulu kita orang ni *Mat Rock* [seorang rockers] kan kita punya prinsip ni ada satu prinsip *Mat Rock* [seorang rockers] yang dia tegar (ketawa). Kita tak nak program TV ini kita tak nak, tak suka (ketawa). Jadi *attitude* [perangai] itu kita orang ada. Nak menjadi *Mat Rock* [seorang rockers] ini kena macam tu. Janganlah jadi *Mat Rock* [seorang rocker] tiba tiba nak *glam* [popular] nak masuk majalah ‘*URTV*’ [Utusan Radio & TV] bergambar (buat gaya bergambar). Haa.. Itu bukan saya tu. Saya masa tu dengan ‘*May*’ dulu kita orang ada satu perangai yang kita bukan nak ke arah tu. Kita tahu

nak main muzik kita nak pergi *stage*[pentas] untuk membuat persembahan itu dia. Kita bukan nak masuk TV nak ambil gambar sebab saya dulu-- kalau biasa dulu siapa tengok ‘*URTV*’ [Utusan Radio & TV] ada pernah nak tengok kita orang ataupun saya sendiri bergambar dengan artis? Saya memang tak ada punya. ‘*URTV*’ tu pun jarang sekali lah. ‘*Mama Juwie*’ itu walaupun saya baik dengan dia jarang sekali nak panggil untuk nak bergambar ke nak jadi poster jauh sekali lah. Itu dia prinsip *Mat Rock* [seorang rockers] tegar. Kita orang mental dulu memang macam tu dia tak nak itu. Tapi sebenarnya itulah dari satu *side* [sisi] untuk sisi sebagai *band* [kumpulan] macam saya cakap tadi, kita ada prinsip itu dia prinsip kita bawa dalam kita punya *performance* [nyanyian] dan dalam karya kita. Bila kita berkarya, kita bawa perangai tu bukan nak jadi macam kurang ajar apa tak. Perangai tu kena ada jadi untuk jadi seorang rockers. Jadi, yang mana peminat rockers yang tegar tengok “fuh.. Dahsyat lah” dia orang sebenarnya kita bukan apa, bukannya kita tu jadi orang jahat ke, tak. Itu dia prinsip jadi...dia tengok kita tu rockers tegar yang ada prinsip macam tu lah. Tapi saya tak salahkan jugalah ada juga yang awalnya sebelum dia jadi artis dia rockers dahsyat tapi bila jadi artis terus dia jadi *handsome* [bergaya] dia jadi nak jadi *glam* [popular]. Tak salah, kalau dia bawak *direction* [arah] itu, dia berdiri ke arah tu tapi kalau nak buat, buat betul-betul lah buat sampai jadi. Kalau kita rasa kita nak jadi penyanyi yang “okeylah aku rasa jadi rockers yang ada *style*[gaya] yang popular, yang ada bergambar dalam *URTV*” buatlah kearah tu sediakan diri kita ke arah itu baru boleh jadi. Yang penting dia kita nak benda tu jadi gitu, dia jadi tak? Boleh jadi gitu, gitu lah dia. Yang itulah impian kita capai. Tapi kalau kita *plan* [rancang] awal-awal nak buat benda lain, dah separuh jalan “eh, aku nak buat benda lain pulak” tak *steady* [teguh] lah bagi saya. Bila mana kita buat satu benda tu sepatutnya benda tu ada pegangan atau prinsip yang tertentu. Tapi kita buat benda lain dan dia tak jadi benda yang kita sepatutnya nak jadi. Jadi, kita nampak macam orang tu ak ada pegangan yang teguh lah. Bagi saya bila kita nak buat satu benda tu kena ada pegangan yang betul-betul lah. Jangan nampak goyah. Benda tu tak salah, tinggal lagi orang yang tengok kita orang yang berdekatan dengan kita, orang nak minat kita, contoh dia tengok “kau ni apa benda

ni, kau sebenarnya apa kau ni” maknanya kita nampak yang kita kat situ pendirian kita tak kukuh. Bagi saya, saya rasa lebih baik satu orang itu mempunyai pendirian kukuh nak buat satu benda, *that's it* [itulah] macam tu lah. Sebab kalau separuh jalan ada goyang, kita tengok pada keadaan perlu kita tukar? Baru kita tukar. Tak perlu? Macam itulah sampai berjaya. Yang penting dia, berjaya tak? Walau goyang macam mana pun, berjaya tak? Berjaya. Okey, ada juga sesetengah orang dia entah apa-apa, dia tak tahu apa dia, buat je merapu-rapu buat tapi dia berjaya juga. Jadi, nak buat macam mana. Tapi adakah kejayaan itu lama ataupun kejayaan itu boleh jadi contoh pada orang lain? Tengok pada keadaan lah kalau boleh jadi contoh, contoh apa? Contohnya kita tak okey kita, tak ada disiplin, kita lewat hari ini tetapi tetap berjaya. Tapi, contoh dia tak ada yang okey lah jadi dekat situ lah pulak gagal dia. Walaupun berjaya kadang-kadang ada juga benda yang perlu kita buat untuk jadikan contoh dan kalau kita rasa puas hati, *that's it*[itulah dia] dan kalau tak puas hati kita perlu membawa diri ke arah benda yang sepatutnya.

- H.S** : Soalan seterusnya, antara anugerah-anugerah tersebut, yang manakah anugerah yang memberi kesan yang mendalam kepada diri Encik Mus sehingga kini?
- E.M** : Banyak juga la saya dapat. Tinggal lagi kalau kata anugerah tu tak banyak la, tinggal lagi apa dari hasil yang kita buat contoh yang saya nyanyi, menjadi benda yang positif dalam hidup saya, menjadi positif bagi *fans-fans*[peminat] ke, bagi orang yang terdekat dengan saya. Itu adalah benda yang bagi saya ada nilai ada perkara yang saya buat tu, saya tak boleh ingat semua lah tapi ada dua[2] tiga[3] perkara yang saya buat saya rasa benda tu menjadi kesan yang positif dia jadi satu benda yang kita boleh *explore*[terokai] selepas tu, itu benda yang bagus lah. Salah satu contoh yang terdekat, macam tahun lepas saya masuk ‘GV’[Gegar Vaganza], Sebelum saya masuk ‘Gegar Vaganza’ saya mempunyai cara corak nyanyian yang *direction*[arah] dia satu[1]. Cara saya nyanyi ataupun saya macam contoh kalau saya nak menyanyi, nyanyi rock saja. Jadi, gaya saya menyanyi saya akan guna teknik-teknik yang kira bagi saya “inilah cara aku”. Kadang-kadang kita dapat

contoh lagu ‘pop’ [genre lagu] pun jadi rock jugak. Walaupun sebenarnya saya boleh buat pop tu tapi saya rasa macam “eh, tak best lah cara nyanyi dia” jadi, saya nyanyi gaya saya jugak. Tapi, bila saya masuk ‘*Gegar Vaganza*’ saya pernah ambil kelas vokal dengan cikgu ‘*Siti Hajar*’ dalam proses semasa dengan ‘*Gegar Vaganza*’ tu. Astro *provide*[sediakan] tiga[3] minggu je untuk ni tapi tak, saya dengan cikgu tiap-tiap minggu saya panggil datang studio saya bukan sebab saya tak reti nyanyi. Tapi saya nak kefahamanan daripada seorang cikgu vokal yang biasa mengajar orang-orang yang--dia tahu rock apa semua, da tahu saya memang nyanyi rock saja. Dia macam “cuba kau buat sesuatu yang berbeza atau nyanyian *versatile* [serba boleh]” yang boleh nyanyi macam-macam. Macam mana saya nak *explore* [terokai]. Bila dengan ‘*Cikgu Hajar*’ saya dapat kefahaman-kefahaman itu. Menyanyi rock macam ni dia [cikgu hajar] kata, dia tahu tapi untuk menyanyi pop macam ni (buat gaya tangan) dan macam mana saya nak cuba *explore* [terokai] setiap satu sebaik mungkin. Dari situ, untuk ‘*Gegar Vaganza*’ ni saya banyak belajar. Mula-mula saya tak faham jugak sayan *try* [cuba] buat tapi buat saya tu, saya tak faham dia jadi macam apa orang panggil tu, macam burung pelatuk la macam saya buat je tapi saya tak faham. Bukan saya tak--dari segi fikiran saya tak faham, *body*[tubuh] saya tak mengerti walaupun saya nyanyi lagu...(menyanyi) Saya cuba menyanyi yang gaya itu, saya tak faham. Saya nyanyi je tapi selepas pada ‘*Gegar Vaganza*’ tu saya cuba nyanyi cara biasa saya nyanyi rock yang tinggi-tinggi ataupun suara keras, saya cuba nyanyi tu nak cuba terokai nyanyi cara yang kalau yang menyanyi vokal, yang keluar suara lantang lah apa dengan menggunakan *throat* [tekak] saya ambil teknik-teknik daripada yang saya pelajari daripada ‘*Cikgu Siti Hajar*’ saya cuba terapkan dalam lagu yang saya bawa pergi menyanyi dan ada perbezaan kat situ. Jadi, saya rasa macam “eh, aku ni umur lima puluh dua [52], lima puluh tiga [53] masih lagi ada benda yang saya tak faham. Saya buat benda tu, tapi saya tak memahami secara fizikal dia. Faham tak, secara mental saya faham secara teori tapi saya tak--tapi selepas ‘*Gegar Vaganza*’ tu saya faham “oh” bila saya buat macam ni, saya faham apa maksud vokal yang cikgu suruh nyanyi, macam mana nak nyanyi suara kena buka, mulut kena buka

AAA(buat gaya buka mulut). Yang belajar vokal dia faham la benda tu. Dulu saya tahu benda tu tapi nak memahami saya tak faham “ah, peduli lah aku buat cara aku je lah . Serupa jugak menyanyi jugak”. Bila saya dah memahami saya buat, “eh, ada beza” kat situ. Jadi, umur lima puluh tiga [53] masih lagi ada ilmu yang saya tak dapat, tak faham walaupun saya dah dengar benda tu, buat benda tu tapi tak faham. Dan nak memahami dia--selepas ‘*Gegar Vaganza*’ something new [sesuatu yang baru]. Bukan yang baru, lama untuk diri saya “alamak, saya baru dapat terap dalam diri” walaupun saya dah buat tapi tak dapat nak terap. Itu antara pengalaman yang baru juga lah.

- H.S** : **Okey, soalan seterusnya album Encik Mus yang manakah mendapat sambutan yang banyak daripada peminat?**
- E.M** : Banyak la tak ingat. Tapi ada album yang mencetus diri saya dengan ‘*May*’ yang mencetus macam popular tak tahu lah kita orang rockers tak kisah sebenarnya tentang popular ni. Album ‘*Hakikat*’ album kedua ‘*May*’. Album pertama ‘*Dilema*’ kita orang gagal sebab rakaman dia kita orang pun tak bersedia sangat dengan suasana rakaman atau cara rakaman. Tapi bila masuk album kedua pada tahun lapan puluh lapan [1988], kita orang bekerja dengan penerbit ‘*Thomas Ham*’. Dia ni *lecturer* [pensyarah] Berkeley [California]. Jadi, kita orang baru dapat input dari dia. Dia dia punya input dia bigitahu tentang teori muzik dan itu menjadikan saya terus minat ada kat studio tu. Masa sebelum album ‘*hakikat*’ kita orang bekerja dengan ‘*Raymond Lim*’, dia bekerja saja tidak bagi input teori tentang muzik sangat jadi kita orang tak dapat. Jadi, itu yang album tu gagal. Tapi album ‘*Hakikat*’ ni kita orang dapat banyak--dan macam mana sehingga nak *tune* [nada] drum pun dia ambil kira, nada gitar pun dia ambil kira. Jadi, benda itu teknikal. Banyak benda teknikal yang tak faham jadi “oh, ada macam ni” walaupun tak faham dan daripada situ album tu jadi okey dan nyanyian pada masa tu masih dalam eksperimen la. Sebenarnya, setiap album yang saya nyanyi sehingga sekarang pun ada eksperimen “aku nak cuba macam ni la apa jadi”. So [jadi], album ‘*Hakikat*’ antara eksperimen sebab saya terlalu banyak pertunjukan masa tu dan masa tu kita orang rekod pun

masa ada pertunjukan. Jadi, suara saya selalu macam, kalau rockers panggil “rabak” (ketawa) jadi suara selalu rosak, jadi, macam mana nak nyanyi yang suara tak rosak? Jadi saya nyanyi rilek tak ada teran-meneran sangat. Jadi, album tu kebanyakannya terbawa menyanyi pun macam melayang sikit, dia ringin sikit padahal saya pergi menyanyi memang kira sakit tekak tapi album tu berjaya. *Selling*[jualan] pun kalau zaman tu, antara yang tertinggi juga la selain aa album ‘Search’, album ‘Wings’, album kita orang antara tertinggi juga. Zaman tu berapa ya--dalam beratus ribu juga sebab pasaran sampai Indonesia pun ada. Jadi, itu antara antara album yang jualan dia tinggi. Waktu tu, zaman jual kaset. Saya rasa dalam 300,000 kut saya tak pasti. Lebih kurang macam tu. Kalau zaman tu, album terjual 100,000 kira dah okey, dah-orang panggil.

- H.S : Baiklah soalan seterusnya, adakah Encik Mus ingin mendapatkan lagi anugerah yang berlainan kategori daripada anugerah yang pernah Encik Mus terima?**
- E.M :** Saya sebenarnya tak ada terlalu memikir sangat untuk nak menerima apa-apa anugerah daripada persembahan yang saya buat. Walaupun sebenarnya benda tu untuk sebagai seorang *performer*[penghibur] perlu ada satu dia, kalau kita nak ada benda tu pun bukan untuk tujuan kita nak berbangga ataupun kita tahu saya nak(membuat gaya)saya nak berbangga untuk diri saya maknanya satu je saya buat kita akan dapat sesuatu anugerah tu orang menghargai dan kita tahu apa yang kita buat tu, benda tu ikhlas dan dihargailah contoh dia. Tapi saya tak terlalu fikir sangatlah cuma yang penting dia kita akan buat setiap *track*[trek] contoh dalam persembahan ke dalam apa-apa saja yang kita dapat hadiri untuk buat persembahan, saya akan buat yang terbaik. Itu saja yang saya rasa yang perlu dan kalau ikutkan sehingga sekarang ni saya dah buat banyak benda lah, banyak benda yang sebelum dulu dah gagal kita pernah baiki benda dan benda tu berlaku okey selepas tu, banyak benda-benda--dan mungkin lepas ni saya tak pastilah kalau ada anugerah yang--sebab dia bergantung juga dengan apa yang kita buat contohnya kalau kita ada buat album ke, ada anugerah untuk persembahan terbaik ke contoh dia. Jadi, kalau ada

benda macam itu mungkin--sebab saya masih dalam trek tak boleh *deny*[menafikan] mengatakan benda ni saya tak nak la, tak perlu, Saya tak boleh juga kata gitu tapi bergantung kepada apa yang trek tu, apa yang saya isi contoh dia saya ada buat album ke, saya ada buat single ke. Album zaman sekarang dah tak ada. Jadi, contoh saya ada buat single, mungkin single tu jadi meletup dan jadi lagu terbaik contoh dia. Kalau ada ke arah tu mungkin saya cuba nak buat yang terbaik untuk kalau--bukankah kata saya nak ke arah tu kalau benda tu saya buat terbaik dan anugerah diberi, saya akan terima. Sebab macam saya cakap tadi, masih masih lagi dalam trek. Jadi, benda-benda tu mungkin berlaku dalam hidup saya dan saya akan cuba buat yang terbaik lah.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: CABARAN

- H.S : Terima kasih Encik Mus, untuk soalan seterusnya, apakah cabaran hidup yang paling diingati oleh Encik Mus?**
- E.M :** Banyaklah perkara yang berlaku dalam hidup saya ni kalau nak terangkan terlalu banyak sehingga saya lupa tapi yang paling besar sekali saya rasa antara sekarang ni yang saya ingat waktu saya sakit tahun 2018 (menanyakan isteri) 2017 saya kena satu penyakit tu yang saya tak tahu nak panggil apa (ketawa) dia berkenaan darah mungkin dia jadi *purple* [ungu] saya pun tak pasti juga. T-P-P. Penyakit tu memang *rare* [jarang] satu [1] dalam sejuta kalau doktor kata. Eh satu [1] dalam dua puluh [20] juta. Saya tak tahu apa pun, saya *blank* [pitam] lepas tu dekat hospital. Orang rumah saya yang banyak--daripada rumah dia panggil dan semak masuk kat 'GH'[General Hospital] tak boleh *handle*[uruskan] tak ada pakar boleh urus sakit tu lepastu tolak saya ke 'Hospital Ampang' dan suruh doktor yang pakar dalam

bidang sakit tu dan hampir sebulan juga--sembilan[9] hari koma tak tahu apa Selepas koma pun sebenarnya saya sedar koma tu pun saya *blank*[kosong] sebab apa, saya ditidurkan saya terpaksa ditidurkan sembilan[9] hari sebab dia orang nak masuk air apa semua jadi, sebab saya tak tahu mungkin sistem darah dalam badan ni--jadi dia orang nak neutralized[dinetralkan] balik jadi kena koma kan saya sembilan[9] hari. Selepas dikomakan orang, kalau bangun, bukan dia sedar macam orang bagun tidur. Saya *blank* [kosong] kat situ tu hampir kat sebulan lah. Saya tak tahu apa benda. Jadi, itu antara yang saya rasa--sebenarnya kebanyakan doktor cakap kalau ikutkan, sakit saya tu sebenarnya saya boleh (ketawa) kalau tak kena cara, setakat itu saja nyawa saya. Dan saya nak pulih balik tu pun susah, saya hampir setahun. Itu pasal selepas tu tak sampai setahun cerita '*Hantu Kak Limah*' tu sebenarnya saya dalam keadaan bukan kata keawang-awangan, saya *blank* [kosong] memori saya sebenarnya banyak yang *lost* [hilang] macam saya sedar tu saya tak tahu apa sebenarnya, saya tak tahu siapa. Saya tahu siapa pun saya tengok yang datang saya *blank* [kosong] banyak. Dia macam memori banyak hilang. Saya nak ingat balik nak *catch* [kejar] balik banyak perkara apa yang berlaku sebelum-sebelum ni sangat susah. Sehingga ke saat ni okeylah macam *hundred percent*[100%] tapi memori saya bukan seratus[100] peratus boleh *catch*[kejar] macam *seventeen*[70] *eighteen*[80] je. Jadi, itu satu momen atau keadaan yang saya rasa--orang rumah saya[isteri] banyaklah, bukan membantu dia bukan kategori membantu. Dia dah buat macam-macam perkara yang kalau tak sebab ada dia mungkin saya kat rumah masa tu mungkin saya dah pergi ke tak tahu. Tapi syukur alhamdulillah, saya masih lagi boleh pulih setelah sakit tu saya boleh bekerja, saya masih boleh kejar balik apa yang nak buat sebelum-sebelum tu, Alhamdulillah la. Cuma keadaan sekarang ni umur saya dah lima puluh tiga [53] sepatutnya saya takkanlah buat perkara yang saya buat umur dua puluh [20],tiga puluh[30] dulu. Kalau zaman dulu saya boleh nyanyi sampai sepuluh [10], dua puluh [20] lagu atas pentas menyanyi lagu *high pitch* [bernada tinggi] semua. Saya rasa umur macam sekarang ni kalau saya boleh buat pun tak sepatutnya saya buat. Maknanya, kalau saya masih buat macam tu juga, boleh kalau contoh atas pentas saya buat macam

dulu tapi saya akan tengok diri saya balik saya akan cakap “kenapa kau buat macam tu lagi ni? Buang tabiat ke apa” (ketawa). Sepatutnya saya kena terokai benda lain ataupun membuat sesuatu yang sepatutnya umur yang macam ni [53 tahun] patut buat. Walaupun saya boleh nyanyi lagu tinggi lagi, ataupun menyanyi banyak lagu tapi sekarang ni pun dah kurang sikit la, *energy* [tenaga] saya tak macam dulu. Kena ikut keadaan-keadaan tapi yang penting dia kalau kita buat kena buat sebaik mungkin lah.

- H.S** : **Soalan seterusnya, pernahkan Encik Mus menerima kecaman atau komen negatif daripada pihak netizen?**
- E.M** : Kecaman tentang apa?
- H.S** : **Tentang nyanyian ataupun tentang hidup Encik Mus?**
- E.M** : Dia begini, dulu pun saya tak boleh terima semua tentang apa-apa negatif pasal saya daripada orang lain. Tapi sehingga satu [1] peringkat--sebab saya suka macam mana, kalau boleh nak buat satu benda tu biar semua suka. Saya ada prinsip yang macam tu, kalau boleh saya nak buat ni biar semua suka. Tapi ada satu [1] peringkat saya memahami kita tak mampu nak penuhi citarasa semua, kita tak mampu nak penuhi semua kehendak orang lain. Takkan mampu punya, takkan boleh kita buat tu semua suka kat kita. Jadi, yang terbaik dia sebenarnya kita perlu buat apa yang kita mampu, apa yang kita suka dan buat sebaik mungkin. Lepastu, baru kita berserah pada--tapi kita kena cari cara la supaya orang suka, seramai mana yang mungkin. Kita tak boleh jugak sesuatu benda tu yang kita suka, yang kita mampu tapi kita syok sendiri. Kita je suka orang lain tak suka. Tak boleh juga macam tu, kena ada *positive thinking* [fikiran positif] yang bila kita buat ni, walaupun kita suka, kita nak pastikan orang lain pun suka juga dan kalau ada ramai yang tak suka apa yang kita buat, kita kena tengok adakah kita perlu (batuk) *adjust* [melaraskan] ataupun kita nak pegang pada prinsip kita nak buat juga benda tu, kita tak peduli. Dan pastikan hasil dia kita puas hati dan berjaya tapi kalau buat tu tak jadi berjaya maka, format kita tentang prinsip tak menjadi lah. Maknanya kita je

suka orang lain tak suka. So [jadi], benda ni sebenarnya subjektif dia tak objektif sebab seseorang dia pikir cara lain. Kadang-kadang saya bekerja dengan orang atau kawan lain, saya bagi satu benda yang saya rasa “aku kena buat macam ni” tapi dia pikir lain, dia rasa “kena macam ni”. Kadang-kadang bila kita bekerja sama dengan kawan, kita perlu toleransi kita perlu menerima walaupun kita tak suka tapi dia nak macam tu dan bagaimana kita nak suka, boleh bekerja sama, boleh buat juga. Jadi, benda tu subjektif lah.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN

- H.S : Soalan seterusnya, apakah harapan Encik Mus kepada industri muzik pada masa kini?**
- E.M : Industri muzik, bukan Malaysia je tapi satu dunia berbeza dah berbeza sekarang. Bila dalam keadaan pandemik ‘Covid’ [Coronavirus Disease], bila kena ‘PKP’ [Perintah Kawalan Pergerakan] dia jadi terlalu berbeza sangat dengan apa yang kita pikir sebelum, kita nak buat satu benda tu, nak jadi arah dia apa, sampai sekarang ni ianya satu benda berbeza sehingga saya rasa kadang-kadang dia jadi satu benda yang kita tak tahu lagi nak jadi apa, dia jadi depan. Walaupun *musician* [pemuzik], ramai penyanyi, ramai jugak penggiat seni, saya cakap dalam dunia seni dalam muzik saja lah bukan benda lain. Kadang-kadang ada benda yang sebelum jadinya kes ‘Covid’[Coronavirus Disease] atau ‘PKP’[Perintah Kawalan Pergerakan] ni, kita dah ada plan, ada juga yang dah jadi PKP semua dia *keep plan*[kekalkan rancangan] dia ikut juga rancangan tu dan tak tahu jadi arah apa jadi, buat jugak dan berfikiran positif. Ada yang, bila dah jadi macam ni, tak boleh buat benda ni, rancangan awal sebelum tu tak boleh buat kena buat benda lain supaya sesuai dengan apa yang berlaku sekarang. Jadi, saya ambil dua perkara ni untuk masa depan cara yang terbaik dia kena kekal positif. Kalau nak ikut saya sendiri pun tak**

